



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

TAHUN 2017

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI
KERAJAAN NEGERI
PERLIS

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI KERAJAAN**

**NEGERI PERLIS
SIRI 1**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	<u>BAHAGIAN I</u>
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI
3	YAYASAN ISLAM PERLIS Pengurusan Hartanah
	<u>BAHAGIAN II</u>
	PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI
39	PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)
67	PENGAUDITAN MENGEJUT
75	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpanduan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI).

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Perlis Bagi Tahun 2017 Siri 1 ini mengandungi dua (2) bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

3. Laporan ini mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di satu (1) Syarikat Kerajaan Negeri Perlis. Selain itu, dilaporkan juga hasil pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) yang dijalankan di tujuh (7) Jabatan/Agensi Negeri serta Pengauditan Mengejut di lima (5) Pejabat/Agensi Negeri. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 17 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri berkenaan.

4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan terhadap Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan

kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
12 Jun 2018



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI

YAYASAN ISLAM PERLIS

1. *Pengurusan Hartanah*

- a. Yayasan Islam Perlis (YIPs) ditubuhkan menerusi Enakmen Yayasan Islam Perlis 1987 yang mula berkuat kuasa pada 8 Oktober 1987. Tujuan utama YIPs ditubuhkan adalah untuk membantu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) menyebarkan dan mengembangkan ajaran, pendidikan dan pembangunan iktisad Islam seperti yang termaktub pada Seksyen 5(1) Enakmen Yayasan Islam Perlis 1987. Bagi membantu tujuan utama penubuhan ini, YIPs menerusi Unit Pembangunan Ekonomi menjalankan aktiviti pembangunan ekonomi untuk menjana sumber kewangan pentadbiran, termasuklah merancang dan melaksanakan pembangunan di kawasan tanah yang dimiliki serta menyewakan premis kediaman/perniagaan bagi tujuan menjana pendapatan seterusnya untuk menampung kos operasi. Sehingga 31 Disember 2017, YIPs memiliki sebanyak 53 unit hartanah yang diperolehi secara pembelian dan terimaan/sumbangan daripada Kerajaan Negeri/individu. Ia terdiri daripada 17 buah rumah kedai/rumah/apartmen dan 36 lot tanah yang keseluruhannya seluas 231.17 ekar.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2017 hingga Februari 2018 merumuskan perkara berikut:

i. **Prestasi Pengurusan Sewaan**

Prestasi pengurusan sewaan adalah baik dan telah mencapai objektif yang ditetapkan. Dalam tempoh tahun 2015 hingga 2017, YIPs telah berjaya mengutip hasil sewa berjumlah RM1,229,220 (108.4%) daripada keseluruhan RM1,134,020 yang perlu dikutip. Pada akhir tahun 2017, tunggakan sewa berjumlah RM127,000 dan ia semakin menurun berbanding tahun sebelumnya.

ii. **Pengurusan Pembangunan Hartanah**

Pengurusan pembangunan hartanah tidak mencapai objektif yang ditetapkan disebabkan tujuh (7) projek pembangunan yang

dilaksanakan dalam tempoh dari tahun 2014 hingga 2017 terdapat projek yang tidak/belum menjana pendapatan kepada YIPs. Sebanyak Empat (4) (57.1%) projek pembangunan ditangguhkan pelaksanaannya kerana masalah kewangan untuk membiayainya serta ketiadaan rakan usaha sama, dua (2) (28.6%) projek pembangunan dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka dapat menjana pendapatan tetap kepada YIPs, manakala satu (1) (14.3%) projek lagi di peringkat perancangan pelaksanaan. YIPs tidak merancang pelaksanaan projek pembangunan dengan terperinci dan menyeluruh sehingga menyebabkan lima (5) lot tanah seluas 9.64 ekar yang dibeli pada tahun 2014 dan 2015 dengan harga RM3.0 juta masih belum diusahakan. Perbelanjaan berjumlah RM1.55 juta untuk bayaran pampasan perpindahan, yuran perkhidmatan juru perunding dan laporan reka bentuk awalan serta kerja-kerja menambun tanah dianggap pembaziran apabila pelaksanaan empat (4) projek pembangunan ditangguhkan.

- c. Penemuan Audit utama yang perlu diberi perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:
- i. lima (5) Perjanjian Sewa (61.5%) tidak disediakan manakala tunggakan sewa bagi enam (6) penyewa berjumlah RM127,000;
 - ii. kerja-kerja mengubahsuai lima (5) unit Rumah Kedai sebagai Motel Al-Kausar lewat disiapkan menyebabkan YIPs lambat menjana pendapatan sewa;
 - iii. berlaku *Improper Payment* berjumlah RM2.16 juta kerana perbelanjaan dibuat tanpa kelulusan Lembaga Pengarah;
 - iv. harga perolehan tanah berjumlah RM783,296 diragui;
 - v. ladang kelapa sawit berkeluasan 9.08 ekar terbiar tidak diusahakan;
 - vi. pengurusan ladang mangga Harumanis tidak mengikut amalan terbaik yang disyorkan oleh Jabatan Pertanian;
 - vii. maklumat berkenaan pembahagian keuntungan dalam projek usaha sama KPJ Perlis Specialist Hospital tidak diketahui; dan
 - viii. tunggakan cukai tanah berjumlah RM404,096.38 tidak direkodkan dalam penyata kewangan.

- d. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan sewa dan pembangunan projek di masa hadapan, adalah disyorkan supaya Yayasan Islam Perlis mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:
 - i. perjanjian sewa disediakan dan bayaran sewa dikutip mengikut jumlah dan tempoh masa ditetapkan;
 - ii. analisis pelaburan hartanah secara berkesan perlu dijalankan dengan meneliti dan mengambil kira aspek-aspek strategik, ekonomi dan teknikal keperluan tempatan dengan input daripada semua pihak yang berkepentingan, sebelum ia dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
 - iii. mengkaji semua perjanjian usaha sama dengan bantuan Pegawai Undang-undang Negeri supaya mendapat keseimbangan pulangan pelaburan kepada pihak YIPs;
 - iv. pentadbiran pembangunan projek dan pengurusan kewangan dijalankan berdasarkan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa; dan
 - v. menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyiasat isu-isu yang melibatkan elemen ketirisan, *improper payment* mahupun melibatkan salah laku penjawat awam yang menguruskan hartanah YIPs.

2. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) dan Pengauditan Mengejut

- a. Pada tahun 2017, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di tujuh (7) Jabatan/Agensi Negeri untuk menilai sama ada pengurusan kewangan telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 mengenai Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) menggunakan pendekatan baru iaitu berasaskan risiko, dengan itu pelaporan hanya dibuat berdasarkan prestasi kewangan tahun 2017 sahaja tanpa perbandingan dengan prestasi tahun sebelum. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan dua (2) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Jabatan pada tahap Baik, tiga (3) Jabatan/Agensi pada tahap Kurang Memuaskan dan satu (1) Jabatan pada tahap Tidak Memuaskan.
- b. Jabatan/Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah penambahbaikan diambil oleh Jabatan/Agensi. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- i. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
- ii. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;
- iii. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;
- iv. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan;
- v. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi Kedua boleh dijadikan rujukan;
- vi. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan
- vii. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

3. *Pengauditan Mengejut*

- a. Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di Jabatan/Unit yang diaudit adalah kurang memuaskan berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi tiga (3) kawalan yang diaudit. Ketua Jabatan/Unit yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi.

- b. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkat dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di Jabatan/Unit agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan di masa akan datang. Sehubungan itu, semua Jabatan/Unit hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:
- i. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
 - ii. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
 - iii. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
 - iv. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan; dan
 - v. pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.



BAHAGIAN I

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
KERAJAAN NEGERI**

YAYASAN ISLAM PERLIS

1. PENGURUSAN HARTANAH

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Yayasan Islam Perlis (YIPs) ditubuhkan menerusi Enakmen Yayasan Islam Perlis 1987 yang mula berkuat kuasa pada 8 Oktober 1987. Tujuan utama YIPs ditubuhkan adalah untuk membantu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) menyebarkan dan mengembangkan ajaran, pendidikan dan pembangunan iktisad Islam seperti yang termaktub pada Seksyen 5(1) Enakmen Yayasan Islam Perlis 1987. Bagi membantu tujuan utama penubuhan ini, YIPs menerusi Unit Pembangunan Ekonomi menjalankan aktiviti pembangunan ekonomi untuk menjana sumber kewangan pentadbiran, termasuklah merancang dan melaksanakan pembangunan di kawasan tanah yang dimiliki serta menyewakan premis kediaman/perniagaan bagi tujuan menjana pendapatan seterusnya untuk menampung kos operasi.

1.1.2. Sehingga 31 Disember 2017, YIPs memiliki sebanyak 53 unit hartanah yang diperolehi secara pembelian dan terimaan/sumbangan daripada Kerajaan Negeri/individu. Ia terdiri daripada 17 buah rumah kedai/rumah/apartmen dan 36 lot tanah yang keseluruhannya seluas 231.17 ekar. Hartanah mengikut kegunaan, mukim dan keluasannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.1
HARTANAH MENGIKUT KEGUNAAN DAN MUKIM SEHINGGA 31 DISEMBER 2017

BIL.	KEGUNAAN HARTANAH	JENIS HARTANAH	MUKIM	JUMLAH HARTANAH (BUAH/LOT)	KELUASAN TANAH (EKAR)
1.	Kegunaan Sendiri	Tanah	Beseri	1	51.22
		Tanah	Kechor	2	7.15
		Rumah Kedai	Kuala Perlis	5	0.19
		Rumah Kedai	Sena	2	0.06
		JUMLAH		10	58.63
2.	Disewakan	Tanah	Kechor	2	3.18
		Tanah	Kuala Perlis	1	0.68
		Tanah	Sanglang	2	101.23
		Tanah	Seriab	5	0.23
		Rumah	Kechor	2	0.04
		Rumah	Kurong Anai	2	0.06
		Apartmen	Sungai Chucoh	5	HS
		JUMLAH		19	105.42

BIL.	KEGUNAAN HARTANAH	JENIS HARTANAH	MUKIM	JUMLAH HARTANAH (BUAH/LOT)	KELUASAN TANAH (EKAR)
3.	Terbiar Tidak Diusahakan / Diduduki	Tanah	Beseri	2	7.85
		Tanah	Kechor	1	0.05
		Tanah	Kurong Anai	3	9.16
		Tanah	Sanglang	1	31.53
		Tanah	Sena	4	4.34
		Tanah	Seriab	9	2.64
		Tanah	Sungai Adam	2	6.01
		Tanah	Utan Aji	1	5.33
		Rumah	Seriab	1	0.21
		JUMLAH			24
JUMLAH KESELURUHAN				53	231.17

Sumber: Yayasan Islam Perlis
Nota: HS – Hak Milik Strata

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai pengurusan hartanah Yayasan Islam Perlis telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada pengurusan sewa dan pembangunan yang dilaksanakan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2017. Ia melibatkan 11 buah rumah/apartmen/bangunan dan 11 lot tanah seluas 136.85 ekar yang disewakan, termasuk satu (1) lot tanah dan dua (2) buah rumah/bangunan yang telah menamatkan sewaan pada tahun 2015 dan 2017. Pengauditan dilaksanakan terhadap semua tujuh (7) projek pembangunan yang dirancang/dilaksanakan terhadap lima (5) unit rumah kedai dan 20 lot tanah seluas 70.46 ekar. Semakan juga dibuat terhadap kesemua 143 baucar bayaran berjumlah RM4.34 juta yang berkaitan dengan perolehan tanah dan perbelanjaan bagi melaksanakan projek pembangunan berkenaan.

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan, termasuklah fail minit mesyuarat, fail individu, baucar bayaran, buku catatan hartanah, surat-menyurat serta dokumen perjanjian yang berkaitan. Pemeriksaan fizikal/lawatan tapak juga dibuat bagi mengesahkan pelaksanaan kerja dan keadaan semasa hartanah berkenaan. Temu bual dan perbincangan bersama pegawai YIPs turut diadakan. Pengesahan dan maklumat tambahan turut diperolehi daripada Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Perlis, Jabatan

Pertanian Negeri Perlis, Majlis Perbandaran Kangar dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA Lubuk Sireh).

1.5. RUMUSAN AUDIT

1.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2017 hingga Februari 2018 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Pengurusan Sewaan

Prestasi pengurusan sewaan adalah baik dan telah mencapai objektif yang ditetapkan. Dalam tempoh tahun 2015 hingga 2017, YIPs telah berjaya mengutip hasil sewa berjumlah RM1,229,220 (108.4%) daripada keseluruhan RM1,134,020 yang perlu dikutip. Pada akhir tahun 2017, tunggakan sewa berjumlah RM127,000 dan ia semakin menurun berbanding tahun sebelumnya.

ii. Pengurusan Pembangunan Hartanah

Pengurusan pembangunan hartanah tidak mencapai objektif yang ditetapkan disebabkan tujuh (7) projek pembangunan yang dilaksanakan dalam tempoh dari tahun 2014 hingga 2017 terdapat projek yang tidak/belum menjana pendapatan kepada YIPs. Sebanyak Empat (4) (57.1%) projek pembangunan ditangguhkan pelaksanaannya kerana masalah kewangan untuk membiayainya serta ketiadaan rakan usaha sama, dua (2) (28.6%) projek pembangunan dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka dapat menjana pendapatan tetap kepada YIPs, manakala satu (1) (14.3%) projek lagi di peringkat perancangan pelaksanaan. YIPs tidak merancang pelaksanaan projek pembangunan dengan terperinci dan menyeluruh sehingga menyebabkan lima (5) lot tanah seluas 9.64 ekar yang dibeli pada tahun 2014 dan 2015 dengan harga RM3.0 juta masih belum diusahakan. Perbelanjaan berjumlah RM1.55 juta untuk bayaran pampasan perpindahan, yuran perkhidmatan juru perunding dan laporan reka bentuk awalan serta kerja-kerja menambun tanah dianggap pembaziran apabila pelaksanaan empat (4) projek pembangunan ditangguhkan.

1.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberi perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. sebanyak lima (5) Perjanjian Sewa (61.5%) tidak disediakan manakala tunggakan sewa bagi enam (6) penyewa berjumlah RM127,000;

- ii. kerja-kerja mengubahsuai lima (5) unit Rumah Kedai sebagai Motel Al-Kausar lewat disiapkan menyebabkan YIPs lambat menjana pendapatan sewa;
- iii. berlaku *Improper Payment* berjumlah RM2.16 juta kerana perbelanjaan dibuat tanpa kelulusan Lembaga Pengarah;
- iv. harga perolehan tanah berjumlah RM783,296 diragui;
- v. ladang kelapa sawit berkeluasan 9.08 ekar terbiar tidak diusahakan;
- vi. pengurusan ladang mangga Harumanis tidak mengikut amalan terbaik yang disyorkan oleh Jabatan Pertanian;
- vii. maklumat berkenaan pembahagian keuntungan dalam projek usaha sama KPJ Perlis Specialist Hospital tidak diketahui; dan
- viii. tunggakan cukai tanah berjumlah RM404,096.38 tidak direkodkan dalam penyata kewangan.

1.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas Yayasan Islam Perlis telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 12 Mac 2018. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

1.6.1. Pengurusan Sewaan Hartanah

Bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2017, 11 lot tanah berkeluasan 136.85 ekar dan 11 buah rumah/apartmen/bangunan yang disewakan untuk menjana pendapatan YIPs adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.2
SENARAI TANAH, RUMAH, APARTMEN DAN BANGUNAN
YANG DISEWAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

BIL.	JENIS HARTANAH YANG DISEWAKAN	LOKASI	KELUASAN TANAH (EKAR)	PEROLEHAN TANAH/BANGUNAN/ UNIT KEDIAMAN			STATUS SEWAAN PADA 31.12.2017	KADAR SEWA (RM)
				TARIKH	SUMBER	KOS (RM)		
1.	Tanah	Lot 1383 Mukim Sanglang	98.02	19.10.1994	Pemberian Kerajaan Negeri	-	Masih menyewa	100,000/ setahun
2.	Tanah	Lot 1382 Mukim Sanglang	31.53	19.10.1994	Pemberian Kerajaan Negeri	-	Menyewa setakat Ogos 2017	80,000/ setahun
3.	Tanah	Lot 5192 Mukim Kuala Perlis	0.68	28.09.2007	Pemberian Kerajaan Negeri	-	Masih menyewa	60,000/ setahun

BIL.	JENIS HARTANAH YANG DISEWAKAN	LOKASI	KELUASAN TANAH (EKAR)	PEROLEHAN TANAH/BANGUNAN/ UNIT KEDIAMAN			STATUS SEWAAN PADA 31.12.2017	KADAR SEWA (RM)
				TARIKH	SUMBER	KOS (RM)		
4.	Tanah	Lot 4558 Mukim Sanglang	3.21	03.02.1996	Sumbangan	-	Masih menyewa	1,000/ setahun
5.	Tanah	Lot 196 Mukim Kechor	2.22	03.02.1996	Sumbangan	-	Masih menyewa	800/ setahun
6.		Lot 198 Mukim Kechor	0.96	03.02.1996	Sumbangan	-		
7.	Tanah	Lot 2021 Mukim Seriab	0.05	19.10.1994	Sumbangan	-	Masih menyewa	1,000/ sebulan
8.		Lot 2022 Mukim Seriab	0.04	19.10.1994	Sumbangan	-		
9.		Lot 2023 Mukim Seriab	0.04	19.10.1994	Sumbangan	-		
10.		Lot 2024 Mukim Seriab	0.05	19.10.1994	Sumbangan	-		
11.		Lot 2025 Mukim Seriab	0.05	19.10.1994	Sumbangan	-		
12.	Apartmen	A1-L6-24 Mukim Chuchoh	HS	15.06.2012	Beli	168,800	Masih menyewa	5,500/ sebulan
13.		A1-L6-25 Mukim Chuchoh	HS	15.06.2012	Beli	168,800		
14.		A1-L6-26 Mukim Chuchoh	HS	15.06.2012	Beli	168,800		
15.		A1-L6-27 Mukim Chuchoh	HS	15.06.2012	Beli	168,800		
16.		A1-L6-28 Mukim Chuchoh	HS	15.06.2012	Beli	168,800		
17.	Rumah Berkembar Dua (2) Tingkat	Lot 8156 Mukim Kurong Anai	0.03	23.03.2007	Usaha sama	-	Masih menyewa	700/ sebulan
18.	Rumah Berkembar Dua (2) Tingkat	Lot 8157 Mukim Kurong Anai	0.03	23.03.2007	Usaha sama	-	Masih menyewa	600/ sebulan
19.	Rumah Berkembar Satu (1) Tingkat	Lot 1625 Mukim Kechor	0.02	1988	Sumbangan	-	Masih menyewa	500/ sebulan
20.	Rumah Berkembar Satu (1) Tingkat	Lot 1625 Mukim Kechor	0.02	1988	Sumbangan	-	Masih menyewa	300/ sebulan
21.	Rumah Banglo	Lot 2549 Mukim Seriab	0.21	26.01.2006	Sumbangan	-	Menyewa setakat April 2015	800/ sebulan
22.	Bangunan MTAQ	Lot 1969 Mukim Beseri	3.56	1994	Bina	321,209	Menyewa setakat Oktober 2017	5,000/ sebulan

Sumber: Yayasan Islam Perlis

Nota: HS – Hak Milik Strata

1.6.1.1. Prestasi Kutipan Sewa

- a. Bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2017, YIPs mensasarkan kutipan sewa semasa berjumlah RM1,134,020. Semakan Audit mendapati YIPs telah berjaya mengutip sewa semasa berjumlah RM1,229,220 (108.4%) adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.3
PRESTASI KUTIPAN SEWA BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

JENIS SEWA	TAHUN	KUTIPAN SEWA SEMASA		LEBIHAN / (KURANGAN) KUTIPAN SEWA (RM)	PRESTASI KUTIPAN SEWA SEMASA (%)
		SASARAN (RM)	SEBENAR (RM)		
Tanah	2015	256,550	198,346	(58,204)	77.3
	2016	253,800	254,804	1,004	100.4
	2017	213,800	215,800	2,000	100.9
	JUMLAH	724,150	669,750	(55,200)	92.4
Rumah/ Apartmen	2015	78,120	160,320	82,200	205.2
	2016	74,000	72,800	(1,200)	98.4
	2017	87,750	97,150	9,400	110.7
	JUMLAH	239,870	330,270	90,400	137.7
Bangunan	2015	60,000	90,000	30,000	150.0
	2016	60,000	75,000	15,000	125.0
	2017	50,000	65,000	15,000	130.0
	JUMLAH	170,000	230,000	60,000	135.3
JUMLAH KESELURUHAN		1,134,020	1,229,220	95,200	108.4

Sumber: Yayasan Islam Perlis

- b. Semakan Audit mendapati prestasi kutipan sewa rumah/apartmen adalah yang tertinggi iaitu pada kadar 137.7%, diikuti sewa bangunan pada kadar 135.3% dan sewa tanah pada kadar 92.4%. Prestasi kutipan sewa rumah/apartmen dan bangunan melebihi kadar 100% disebabkan sebuah Universiti Awam yang menyewa lima (5) unit Rumah Kedai dua (2) Tingkat di Taman Semarak, Kuala Perlis dan sebuah Pertubuhan Pendidikan Islam yang menyewa dua (2) buah bangunan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraati (MTAQ) di Beseri membuat bayaran tunggakan sewa pada tahun 2015, masing-masing berjumlah RM88,800 dan RM30,000. Prestasi kutipan sewa tanah pada kadar 92.4% antaranya disebabkan Syarikat BESB yang menyewa tanah di PT 1387, Mukim Sanglang seluas 31.53 ekar hanya membuat pembayaran berjumlah RM25,000 daripada keseluruhan RM80,000 sewa pada tahun 2015. Sehingga 31 Disember 2017, syarikat berkenaan yang telah memberhentikan sewaan pada bulan Oktober 2017 mempunyai tunggakan sewa tanah berjumlah RM70,000.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan sewa bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 adalah baik kerana YIPs berjaya mengutip RM1,229,220 (108.4%) daripada RM1,134,020 sewa semasa.

1.6.1.2. Prestasi Kutipan Tunggakan Sewa

- a. Mengikut Perjanjian Sewa, penyewa hendaklah membayar sewa bulanan kepada YIPs sebelum atau pada lima (5) hingga 15 hari bulan setiap bulan sehingga perjanjian tamat. Klausula Tiga (3) dan 16 membenarkan YIPs mengambil balik harta yang disewa sekiranya bayaran tidak dibuat dalam tempoh 14 hari selepas ianya patut dibayar.
- b. Tunggakan sewa tanah, rumah dan bangunan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.4
TUNGGAKAN SEWA BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

HARTANAH	BAKI TUNGGAKAN SEWA PADA 31 DISEMBER		
	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)
SEWA TANAH			
Syarikat BE - Kuala Perlis	85,000	80,000	70,000
Syarikat TSUCSB - Seriab	24,000	28,000	36,000
Syarikat TWSB - Kuala Perlis	13,000	13,000	13,000
JUMLAH	122,000	121,000	119,000
SEWA RUMAH			
Penyewa Lot 2549 - Seriab	16,200	17,400	7,400
Penyewa Lot 1625A - Kechor	-	-	500
Penyewa Lot 1625B - Kechor	-	-	100
JUMLAH	16,200	17,400	8,000
SEWA BANGUNAN			
Pertubuhan Pendidikan Islam - Beseri	30,000	15,000	-
JUMLAH	30,000	15,000	-
JUMLAH KESELURUHAN	168,200	153,400	127,000

Sumber: Yayasan Islam Perlis

- c. Semakan Audit terhadap Notis Tuntutan Tunggakan Sewa mendapati Syarikat TWSB yang telah memberhentikan sewaan tanah bagi Lot 1382, Mukim Kuala Perlis pada pertengahan bulan Disember 2012, masih mempunyai tunggakan sewa berjumlah RM13,000. Tiada sebarang bayaran tunggakan sewa diterima oleh YIPs sejak tahun 2013. Notis Tuntutan Tunggakan Sewa kali terakhir telah dikeluarkan melalui peguam kepada Syarikat TWSB pada 31 Julai 2013. Manakala, Syarikat BE yang mula menyewa lot tanah yang sama pada pertengahan bulan Mei 2013 telah memberhentikan sewaan pada

bulan Ogos 2017. YIPs tidak membuat tuntutan bayaran sewa bulanan pada kadar RM80,000 setahun secara berkala telah menyebabkan tunggakan sewa Syarikat BE masih berbaki RM70,000 sejak September 2017. Semakan Audit mendapati YIPs masih berbincang dengan Syarikat BE berkenaan kaedah untuk menyelesaikan tunggakan sewa berkenaan. Syarikat TSUCSB yang masih menyewa lima (5) lot tanah di Mukim Seriab pada kadar RM1,000 sebulan/RM12,000 setahun tidak membuat pembayaran mengikut jumlah dan tempoh masa yang ditetapkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati Syarikat TSUCSB hanya membuat pembayaran sewa masing-masing berjumlah RM8,800 pada tahun 2015, RM8,000 pada tahun 2016 dan RM4,000 pada tahun 2017. Ia telah menyebabkan tunggakan sewa semakin meningkat pada setiap tahun. YIPs tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap Syarikat TSUCSB disebabkan Perjanjian Sewa belum di tandatangani. Bagi kes tunggakan sewa oleh Penyewa Lot 2549, beliau sedang membuat pembayaran menerusi potongan gaji sebanyak RM1,000 sebulan dan akan berakhir pada bulan Ogos 2018. Kegagalan mengutip tunggakan sewa mengakibatkan kerugian kepada YIPs apabila ia dibuat hapus kira dan Akta Had Masa 1953 terpakai.

Maklum Balas YIPs yang Diterima pada 7 Mac 2018

YIPs telah mengadakan perjumpaan dengan pemilik Syarikat BESB untuk menyelesaikan isu berkenaan tunggakan sewa. Kertas Cadangan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2 Tahun 2018 untuk kelulusan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pungutan YIPs adalah tidak cekap kerana tidak mengambil tindakan secara serius dan menyebabkan tunggakan sewa pada 31 Disember 2017 berjumlah RM127,000.

1.6.1.3. Perjanjian Sewa

Seksyen 10(c), Enakmen Yayasan Islam Perlis 1987 memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk membuat atau mengubahsuaikan apa-apa kontrak atau perjanjian yang perlu dan mustahak untuk menjalankan tujuan-tujuan YIPs. Oleh yang demikian, Perjanjian Sewa perlu disediakan dan ditandatangani bagi memastikan YIPs dan penyewa mempunyai ikatan perundangan, dinyatakan tanggungjawab serta menjaga kepentingan masing-masing. Semakan Audit terhadap kesemua 11 lot tanah dan 11 buah rumah/apartmen/bangunan yang disewa oleh 13 penyewa bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 mendapati perkara berikut:

a. Perjanjian Sewa Tidak Disediakan

- i. Semakan Audit mendapati lapan (8) lot tanah dan dua (2) buah rumah yang disewa oleh lima (5) penyewa tidak disediakan dengan Perjanjian Sewa seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.5
SENARAI HARTANAH TIDAK DISEDIAKAN PERJANJIAN SEWA

BIL.	MAKLUMAT HARTANAH	MUKIM	KELUASAN (EKAR)	JENIS HARTANAH	TAHUN MULA MENYEWA	KEGUNAAN HARTANAH	KADAR SEWA
1.	Lot 4558	Sanglang	3.21	Tanah	1996 - kini	Sawah padi	RM1,000/ setahun
2.	Lot 196	Kechor	2.22	Tanah	1996 - kini	Sawah padi	RM800/ setahun
3.	Lot 198	Kechor	0.96	Tanah	1996 - kini	Sawah padi	
4.	Lot 2021 - 2025	Seriab	0.05	Tanah	1994 - kini	Tapak jualan kereta terpakai	RM1,000/ sebulan
			0.04				
			0.04				
			0.05				
			0.05				
5.	Lot 2549	Seriab	0.21	Rumah Banglo	2013 - 2015	Rumah kediaman	RM800/ sebulan
6.	Lot 8157	Kurong Anai	0.03	Rumah Berkembar Dua (2) Tingkat	2017 - kini	Rumah kediaman	RM700/ sebulan

Sumber: Yayasan Islam Perlis

- ii. Tiga (3) lot tanah iaitu Lot 4558, Lot 196 dan Lot 198 seluas 6.39 ekar di Mukim Sanglang dan Mukim Kechor yang disewakan kepada dua (2) orang individu tidak disediakan Perjanjian Sewa disebabkan pegawai YIPs memaklumkan telah terlepas pandang. Tanah berkenaan disewa oleh individu yang sama semasa ia disumbangkan kepada YIPs pada bulan Februari 1996. Manakala bagi lima (5) lot tanah seluas 0.23 ekar dan sebuah rumah banglo di Lot 2549, Mukim Seriab, pegawai YIPs memaklumkan Perjanjian Sewa ada dikemukakan kepada penyewa untuk di tandatangan, namun tidak dikembalikan semula tanpa sebarang alasan. Semakan Audit mendapati YIPs tidak mengambil sebarang tindakan susulan untuk mendapatkan kembali Perjanjian Sewa berkenaan. Bagi sebuah rumah sewa di Lot 8157, Mukim Kurong Anai pula, Unit Kewangan memaklumkan dan berpendapat Perjanjian Sewa tidak perlu disediakan dengan alasan penyewa adalah pelajar kolej dan menyewa untuk tempoh masa kurang daripada satu (1) tahun.
- iii. Ketiadaan Perjanjian Sewa menyebabkan YIPs tidak boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap penyewa yang gagal membuat pembayaran sewa dalam tempoh masa ditetapkan.

Maklum Balas YIPs yang Diterima pada 9 Mac 2018

Perjanjian Sewa tanah bagi Lot 4558, Lot 196 dan Lot 198 yang diusahakan sebagai sawah padi telah ditandatangani pada 1 Januari 2018. Surat Kebenaran Menyewa Rumah bagi Lot 8157, Mukim Kurong Anai ada disediakan bagi menggantikan Perjanjian Sewa memandangkan penyewa adalah pelajar dan menyewa dalam jangka masa pendek. Perjanjian Sewa bagi rumah banglo di Lot 2549, Mukim Seriab ada dikemukakan kepada penyewa untuk di tandatangan, namun tidak dikembalikan tanpa alasan. Bagi tanah di Lot 2021 hingga Lot 2025, Mukim Seriab, YIPs masih berusaha memastikan penyewa menandatangani Perjanjian Sewa.

Pada pendapat Audit, pengurusan yang tidak cekap telah menyebabkan lima (5) Perjanjian Sewa tidak disediakan. Ketiadaan Perjanjian Sewa menyebabkan tindakan undang-undang tidak boleh diambil terhadap penyewa yang gagal membayar sewa mengikut jumlah dan tempoh ditetapkan.

b. Sewa Tidak Mengikut Kadar yang Diluluskan

- i. Seksyen 27(i), Enakmen Yayasan Islam Perlis 1987 membenarkan Lembaga Pengarah membuat peraturan berkenaan bayaran-bayaran yang dikenakan oleh YIPs. Oleh yang demikian, semua kadar sewa yang dikenakan hendaklah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah sebelum ia dikuatkuasakan. Kadar sewa yang dikenakan hendaklah mengambil kira kadar sewaan semasa berdasarkan penilaian oleh penilai bertauliah bagi mengoptimumkan pendapatan YIPs.
- ii. Pada tahun 2012, Lembaga Pengarah telah meluluskan kadar sewa tanah bagi Lot PT 5192, Mukim Kuala Perlis yang berkeluasan 0.68 ekar dinaikkan dari RM4,000 kepada RM6,000 sebulan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Semakan Audit terhadap Perjanjian Sewa yang di tandatangan pada bulan April 2013 bagi tempoh 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2015 mendapati sewa yang dikenakan adalah pada kadar RM5,000 sebulan. Tiada bukti kelulusan diperolehi daripada Lembaga Pengarah berkenaan pengurangan kadar sewa tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati perjanjian sewa bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2018 yang di tandatangan pada bulan April 2017 pada kadar sewa RM5,000 sebulan juga tidak mendapat kelulusan oleh Lembaga Pengarah.

- iii. Perkara ini berlaku disebabkan pegawai YIPs tidak mematuhi kelulusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah. Akibatnya, YIPs kehilangan hasil sewa berjumlah RM60,000 bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017.

Maklum Balas YIPs yang Diterima pada 9 Mac 2018

Kadar sewa yang dikenakan tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Pada pendapat Audit, keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah hendaklah dipatuhi kerana ia mempunyai kuasa dan pegawai yang tidak mematuhi keputusan boleh diambil tindakan tatatertib.

1.6.2. Pembangunan Hartanah

- a. Mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1992, Garis Panduan Perancangan dan Penyediaan Projek Pembangunan, perancangan yang disediakan dengan teliti, terperinci dan sistematik dapat menjamin pelaksanaan sesuatu projek pembangunan dengan baik dan mencapai objektif. Analisis pasaran permintaan akan memberi satu (1) anggaran terhadap keuntungan/faedah yang boleh diperolehi daripada projek berkenaan. Ia menentukan sama ada barangan serta perkhidmatan yang disediakan benar-benar diperlukan oleh masyarakat, dan menganggarkan jumlah yang mungkin diminta pada harga-harga tertentu. Analisis kewangan pula menumpukan kepada pulangan bersih pendapatan yang dihasilkan. Seksyen 3(c), Enakmen Yayasan Islam Perlis 1987 membenarkan YIPs mendapat, mengambil dan memegang segala jenis harta alih atau harta tak alih. Seksyen 10(m) dan Seksyen 22 membenarkan YIPs memasuki apa-apa urusan yang mendatangkan faedah serta membuat perbelanjaan setelah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- b. Dalam tempoh tahun 2014 hingga 2017, YIPs merancang untuk melaksanakan tujuh (7) projek pembangunan terhadap lima (5) buah rumah kedai dan 20 lot tanah secara sendiri/usaha sama yang bertujuan untuk menjana pendapatan. Ia termasuk sebuah projek pembangunan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada tahun 2012. Senarai projek pembangunan berkenaan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.6
SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN YANG DIRANCANG UNTUK DILAKSANAKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2017 SERTA STATUS SEMASA PELAKSANAANNYA

BIL.	CADANGAN PEMBANGUNAN	JENIS HARTANAH	LOKASI	KELUASAN TANAH (EKAR)	PEROLEHAN HARTANAH			STATUS SEMASA PELAKSANAAN
					TARIKH	SUMBER	HARGA (RM)	
1.	Ubahsuai lima (5) unit Rumah Kedai Dua (2) Tingkat menjadi Motel Al-Kausar	Rumah Kedai Dua (2) Tingkat	Lot 2996 Mukim Kuala Perlis	0.07	2012	Beli	1,500,000	Kerja-kerja ubahsuai sedang dijalankan
			Lot 2997 Mukim Kuala Perlis	0.03				
			Lot 2998 Mukim Kuala Perlis	0.03				
			Lot 2999 Mukim Kuala Perlis	0.03				
			Lot 3000 Mukim Kuala Perlis	0.03				
2.	Pembinaan Hotel Al-Kausar secara usaha sama	Tanah	Lot 918 Mukim Sena	0.73	1996	Sumbangan	-	Pelaksanaan ditangguhkan
3.	Pembinaan 82 unit Rumah Teres Dua (2) Tingkat dan enam (6) unit Rumah Kedai Dua (2) Tingkat secara usaha sama	Tanah	Lot 3028 Mukim Kurong Anai	4.56	2015	Beli	1,120,716	Di peringkat perancangan
			Lot 3039 Mukim Kurong Anai	4.52	2014	Beli	783,296	
4.	Pembinaan 42 unit Gudang Pejabat dan 26 unit Kedai Pejabat Tiga (3) Tingkat secara sendiri	Tanah	Lot 55 Mukim Utan Aji	5.33	1994	Beli	675,944	Pelaksanaan ditangguhkan
5.	Pembinaan sebuah apartmen asrama secara sendiri	Tanah	Lot 942 Mukim Sena	3.11	1996	Sumbangan	-	Pelaksanaan ditangguhkan
			Lot 932 Mukim Sena	0.50	2014	Beli	800,000	
6.	Pembinaan Sebuah Kondominium 14 Tingkat secara usaha sama	Tanah	Lot 2021 Mukim Seriab	0.05	1994	Sumbangan	-	Pelaksanaan ditangguhkan
			Lot 2022 Mukim Seriab	0.04	1994	Sumbangan	-	
			Lot 2023 Mukim Seriab	0.04	1994	Sumbangan	-	
			Lot 2024 Mukim Seriab	0.05	1994	Sumbangan	-	
			Lot 2025 Mukim Seriab	0.05	1994	Sumbangan	-	
			Lot 2028 Mukim Seriab	0.04	1994	Sumbangan	-	
			Lot 2029 Mukim Seriab	0.03	1994	Sumbangan	-	
			Lot 2030 Mukim Seriab	0.03	1994	Sumbangan	-	
			Lot 2031 Mukim Seriab	0.03	2014	Beli	150,000	

BIL.	CADANGAN PEMBANGUNAN	JENIS HARTANAH	LOKASI	KELUASAN TANAH (EKAR)	PEROLEHAN HARTANAH			STATUS SEMASA PELAKSANAAN
					TARIKH	SUMBER	HARGA (RM)	
			Lot 2032 Mukim Seriab	0.03	2014	Beli	150,000	
			Lot 2033 Mukim Seriab	0.03	1994	Sumbangan	-	
			Lot 2034 Mukim Seriab	0.03	1994	Sumbangan	-	
			Lot 2035 Mukim Seriab	0.04	1994	Sumbangan	-	
7.	Pengurusan Ladang Mangga Harumanis secara sendiri	Tanah	Lot 5283 Mukim Beseri	51.22	1999	Sumbangan	-	Sedang diusahakan

Sumber: Yayasan Islam Perlis

- c. Semakan Audit terhadap enam (6) cadangan pembangunan yang dilaksanakan terhadap lima (5) unit rumah kedai dan 20 lot tanah mendapati perkara seperti berikut:

1.6.2.1. Projek Ubahsuai Lima (5) Unit Rumah Kedai Dua (2) Tingkat

Lembaga Pengarah pada bulan Julai 2015 meluluskan cadangan untuk mengubahsuai lima (5) unit Rumah Kedai Dua (2) Tingkat di Taman Semarak, Kuala Perlis untuk dijadikan Motel Al-Kausar (Motel) dengan kos berjumlah RM645,000. Kerja-kerja akan dilaksanakan oleh anak syarikat YIPs iaitu Syarikat Infostas Engineering Sdn. Bhd. (Syarikat Infostas). Motel ini apabila siap akan mempunyai 40 buah bilik berbagai jenis dan dijangka memberi pulangan pendapatan bersih kepada YIPs berjumlah RM359,000 setahun dalam bentuk sewaan bilik pada kadar 50% penghunian. Lembaga Pengarah juga bersetuju supaya Motel ini diusahakan oleh pengusaha yang berwibawa. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Tambahan Kos Ubahsuai dan Perbelanjaan Awalan Belum Diluluskan Lembaga Pengarah

- Syarikat Infostas telah melantik Syarikat Roza Enterprise (Syarikat Roza) secara tender melalui Surat Setuju Terima yang telah di tandatangan pada 31 Mac 2016 untuk melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian. Tempoh siap kerja adalah pada 30 Jun 2016. Kos pengubahsuaian yang ditawarkan berjumlah RM900,506 melibatkan kerja *preliminaries and general conditions, upgrading and new building work, provisional sums* dan *mechanical and electrical works*.
- Semakan Audit mendapati sehingga kini, lebih kos pengubahsuaian yang berjumlah RM255,506 dan perbelanjaan lain untuk kos guaman,

bayaran penilaian dan khidmat perunding serta deposit kelengkapan motel berjumlah RM61,525 belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pemilihan Syarikat Roza dibuat berdasarkan harga tawaran yang terendah. Peningkatan kos berlaku disebabkan anggaran awal yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah tidak mengambil kira keseluruhan kerja-kerja ubahsuai yang perlu dilaksanakan.


- iii. Semakan Audit mendapati Syarikat Infostas telah meminta Syarikat Roza untuk menanggungkan kerja-kerja pengubahsuaian mulai bulan Julai 2016 hingga Februari 2018 disebabkan menghadapi masalah kewangan untuk pembayaran kemajuan kerja. Penangguhan kerja-kerja tersebut dibuat oleh Syarikat Infostas menerusi enam (6) Lanjutan Masa selama 592 hari. Kelewatan menyiapkan kerja-kerja pengubahsuaian ini menyebabkan YIPs lewat menjana pendapatan daripada sumber sewaan.
- iv. Lawatan Audit pada 26 Februari 2018 mendapati kerja-kerja pengubahsuaian masih belum disiapkan adalah seperti di gambar berikut.

GAMBAR 1.1



Lot 2996 Hingga Lot 3000
Taman Semarak, Kuala Perlis
- Kerja-kerja Mengubahsuai lima (5) Buah Rumah
Kedai Dua (2) Tingkat Menjadi Motel Peringkat
Furnishing
(26.2.2018)

GAMBAR 1.2



Lot 2996 Hingga Lot 3000
Taman Semarak, Kuala Perlis
- Kerja-kerja Mengubahsuai lima (5) Buah Rumah
Kedai Dua (2) Tingkat Menjadi Motel Peringkat
Furnishing
(26.2.2018)

- v. Syarikat Roza telah dibayar sejumlah RM538,700 daripada keseluruhan tuntutan yang berjumlah RM772,437. Bayaran berdasarkan kepada kerja-kerja pengubahsuaian yang telah siap 83.93% ini disahkan oleh Juruukur Bahan yang dilantik, Syarikat Nasir Ujang *Consult* pada 29 November 2016. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM440,000 telah dibayar oleh Syarikat Infostas, manakala sejumlah RM98,700 dibayar oleh YIPs. Kurangan bayaran berbanding tuntutan dan kelewatan menyiapkan projek ini disebabkan masalah kewangan yang dihadapi oleh YIPs dan Syarikat Infostas.

Maklum Balas YIPs yang Diterima pada 9 Mac 2018

Lembaga Pengarah yang bermesyuarat pada 16 Januari 2018 telah meluluskan tambahan kos ubahsuai berkenaan yang berjumlah RM255,506.

Pada pendapat Audit, perancangan yang tidak cekap dan tidak disediakan secara terperinci dan menyeluruh telah menyebabkan berlakunya tambahan kos ubahsuai berjumlah RM255,506. Perbelanjaan berjumlah RM61,525 diklasifikasikan sebagai *Improper Payment* kerana dibuat tanpa kelulusan Lembaga Pengarah.

1.6.2.2. Cadangan Projek Pembinaan Hotel Al-Kausar

Pada bulan Jun 2014, YIPs telah melantik Syarikat Anak Arshad Architect sebagai Perunding Projek yang bertanggungjawab sebagai perunding berdaftar, mereka bentuk serta menyediakan dokumen tender dan pembinaan sehingga projek siap dilaksanakan. *Preliminary Feasibility Study (Hotel Revenues & Operations)* telah disediakan oleh Perunding BE Sdn. Bhd. pada bulan Julai 2014 berkenaan cadangan untuk membina sebuah hotel 8 tingkat dengan 120 bilik di Lot 918, Mukim Sena yang berkeluasan 0.73 ekar. Kos pembinaan dianggarkan berjumlah RM17.45 juta. Sejumlah RM5 juta adalah daripada sumber kewangan YIPs, manakala RM12.45 juta daripada sumber pinjaman bank. YIPs dijangka memperoleh keuntungan kasar hasil sewaan bilik pada kadar RM3.09 juta setahun. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Cadangan Projek Pembinaan Tanpa Kelulusan Lembaga Pengarah

- i. Semakan Audit mendapati cadangan untuk membina Hotel Al-Kausar di Lot 918, Mukim Sena serta pelantikan Syarikat Anak Arshad Architect sebagai Perunding Projek ini tidak pernah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Keputusan dibuat sendiri oleh Pengarah YIPs tanpa merujuk terlebih dahulu kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Mesyuarat Pengurusan dan Kewangan YIPs yang diadakan pada bulan Januari 2015 memaklumkan kos perkhidmatan sebagai Perunding Projek ini berjumlah RM840,000. Sehingga bulan Disember 2015, Syarikat Anak Arshad Architect telah dibayar berjumlah RM400,680 (termasuk GST berjumlah RM22,680) berdasarkan kepada 45% daripada kerja-kerja yang telah dilaksanakan. Baki bayaran berjumlah RM462,000 tidak dibuat kerana rancangan pembinaan hotel tersebut telah ditangguhkan.
- ii. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, sejumlah RM524,613 telah dibelanjakan oleh YIPs untuk melaksanakan kerja-kerja awalan tanpa kelulusan Lembaga Pengarah. Ia melibatkan bayaran kepada Perunding

Projek berjumlah RM400,680, bayaran pampasan dan kerja-kerja merobohkan berjumlah RM65,022, kelulusan merancang dan bayaran kepada Juruukur berjumlah RM9,488, kerja-kerja di tapak berjumlah RM37,798 dan majlis perasmian pecah tanah berjumlah RM11,625. Perbelanjaan berjumlah RM524,613 tidak menjana pendapatan kepada YIPs dan berlakunya *Improper Payment*.

- iii. Pada bulan Mac 2016, Lembaga Pengarah bersetuju mengadakan usaha sama dengan Syarikat Widad Business Group Sdn. Bhd. (Syarikat Widad) untuk membina sebuah Hotel Al-Kausar dengan kos berjumlah RM17 juta. Bagaimanapun, usaha sama ini tidak diteruskan apabila pada bulan Julai 2016, Lembaga Pengarah dimaklumkan bahawa Syarikat Widad tidak dapat memenuhi tuntutan YIPs iaitu gagal mendapatkan kelulusan pinjaman bank serta mendapati pasaran hotel di Negeri Perlis agak perlahan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada perbelanjaan yang terlibat bagi pelantikan Syarikat Widad. Lawatan Audit pada 30 November 2017 mendapati tapak tanah berkenaan terbiar dan tidak diusahakan seperti di gambar berikut:



GAMBAR 1.3

Lot 918, Mukim Sena
- Tapak Tanah Cadangan Pembinaan
Hotel Al-Kausar lapan (8) Tingkat
Terbiar Tidak Diusahakan
(29.11.2017)

Maklum Balas YIPs yang Diterima pada 9 Mac 2018

Perbelanjaan berjumlah RM524,613 tersebut hanya diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan dan Kewangan YIPs sahaja. Telah memaklumkan kepada seorang Ahli Lembaga Pengarah YIPs untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2 Tahun 2018.

Pada pendapat Audit, pegawai YIPs yang mengurus rancangan projek pembangunan ini tidak peka dengan peraturan kewangan yang berkuat kuasa selain tidak cekap dalam membuat perancangan secara teliti dan terperinci. Perbelanjaan bagi kerja-kerja awalan yang berjumlah RM524,613 dikategorikan sebagai *Improper Payment* kerana dibuat tanpa kelulusan Lembaga Pengarah.

1.6.2.3. Cadangan Projek Pembinaan Rumah Teres Dua (2) Tingkat dan Rumah Kedai Dua (2) Tingkat

Lembaga Pengarah pada bulan April 2017 telah menandatangani Perjanjian Usaha Sama Pembangunan dengan Syarikat AHS Land Sdn. Bhd. untuk membina 82 unit Rumah Teres Dua (2) Tingkat dan enam (6) unit Rumah Kedai Dua (2) Tingkat di Lot 3028 dan Lot 3039, Mukim Kurong Anai yang berkeluasan 9.08 ekar. Kos pembinaan ditanggung sepenuhnya oleh Syarikat AHS Land Sdn. Bhd.. Hasil daripada projek usaha sama ini membolehkan YIPs mendapat 14 unit Rumah Teres Dua (2) Tingkat dan satu (1) unit Rumah Kedai Dua (2) Tingkat dengan anggaran keuntungan bersih berjumlah RM2.98 juta. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Perolehan Tanah Lot 3039, Mukim Kurong Anai Tidak Disokong Dengan Dokumen Sokongan yang Lengkap

- i. Arahan Perbendaharaan 99(a) menghendaki semua baucar disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap tanpa merujuk kepada apa-apa dokumen selain daripada yang dikembarkan bersamanya. Semakan Audit mendapati tanah Lot 3039 yang berkeluasan 4.52 ekar dibeli pada tahun 2014 dengan harga RM783,296, manakala Lot 3028 yang berkeluasan 4.56 ekar dibeli pada tahun 2015 dengan harga RM1.12 juta.
- ii. Semakan Audit selanjutnya terhadap Borang 14A (Borang Pindah Milik Tanah) bagi pembelian tanah Lot 3039 bertarikh 17 September 2014 mendapati harga jualan yang dicatatkan berjumlah RM600,000. Manakala harga belian yang dibayar oleh YIPs kepada peguam Tetuan Fiza Alias & Associates pada 9 September 2014 berjumlah RM783,296. Perbezaan nilai bagi kedua-dua transaksi ini berjumlah RM183,296. Bayaran dibuat hanya berdasarkan kepada surat arahan yang ditandatangani oleh Pengarah YIPs bertarikh 5 September 2014. Jumlah tersebut tidak termasuk bayaran bagi Duti Setem kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang berjumlah RM15,005. Lebihan pembayaran berjumlah RM183,296 adalah diragui disebabkan tiada sebarang dokumen Perjanjian Jual Beli Tanah dan invois daripada peguam disediakan dan dikepilkan bersama dengan baucar bayaran. Selepas mendapat teguran Audit, pihak YIPs melalui surat bertarikh 30 November 2017 memaklumkan peguam Tetuan Fiza Alias & Associates tidak memberi kerjasama dalam menyediakan salinan dokumen berkaitan perbezaan berjumlah RM183,296.
- iii. Semakan Audit juga mendapati perolehan tanah Lot 3039 tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Akibatnya,

terdapat unsur *Improper Payment* disebabkan perolehan tanah berkenaan tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah yang jelas melanggar Seksyen 22, Enakmen Yayasan Islam Perlis 1987.

Maklum Balas YIPs yang Diterima pada 9 Mac 2018

Pembayaran berjumlah RM783,296 hanya berdasarkan kepada Surat Arahan yang di tandatangan oleh Pengarah YIPs. Pada 21 November 2017, pegawai YIPs bersama peguam Tetuan Aswandi Hashim & Co. telah berjumpa Tetuan Fiza Alias & Associates untuk mendapatkan maklumat penuh berkenaan pembayaran tersebut, tetapi tidak mendapat kerjasama.

Pada pendapat Audit, sejumlah RM183,296 daripada harga belian tanah bagi Lot 3039, Mukim Kurong Anai telah dilakukan perolehan tanpa dokumen sokongan yang mencukupi dan tindakan melaksanakan perbelanjaan berjumlah RM798,301 dibuat tanpa kelulusan Lembaga Pengarah.

b. Ladang Kelapa Sawit Terbiar Tidak Diusahakan

- i. Lot 3028 dan Lot 3039, Mukim Kurong Anai yang berkeluasan 9.08 ekar berkategori tanah pertanian dan telah sedia ditanam dengan pokok kelapa sawit semasa ia dibeli pada tahun 2014 dan 2015.
- ii. Lawatan Audit pada 12 Februari 2018 ke tanah tersebut bersama-sama pegawai daripada FELCRA Berhad, Kawasan Lubuk Sireh, Perlis dimaklumkan ladang kelapa sawit berkenaan berada dalam keadaan 50% kawalan, terbiar tidak diuruskan antara 1 hingga 1½ tahun dan masih boleh dipulihkan. Pokok kelapa sawit berkenaan berpotensi mengeluarkan hasil sekitar 9 hingga 10 metrik tan/hektar dan diusahakan untuk tempoh sehingga 10 tahun akan datang. Bagaimanapun, pengurusan agronomi yang baik dengan pembajaan, pemangkasan pelepah dan kawalan rumpai yang sesuai boleh meningkatkan lagi pengeluaran hasil buah kelapa sawit. Cuaca dan taburan hujan yang mencukupi turut membantu meningkatkan kuantiti hasil buah. Keadaan ladang kelapa sawit yang terbiar tidak diusahakan ini adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 1.4

Lot 3028 dan Lot 3039, Mukim Kurong Anai
- Ladang Kelapa Sawit Terbiar
Tidak Diusahakan
(12.02.2018)

- iii. Pegawai YIPs memaklumkan telah terlepas pandang sehingga menyebabkan ladang kelapa sawit berkenaan terbiar tidak diusahakan atau dipajak kepada pihak lain sejak ia dibeli pada tahun 2014 dan 2015. Ia telah menyebabkan kerugian hasil pendapatan kepada YIPs.

Maklum Balas YIPs yang Diterima pada 9 Mac 2018

Perjumpaan dengan pihak pengurusan FELCRA Berhad, Kawasan Lubuk Sireh, Perlis telah diadakan pada 6 Mac 2018 untuk mendapat kerjasama membantu YIPs mengusahakan ladang kelapa sawit berkenaan sementara menunggu projek pembangunan dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, pihak YIPs seharusnya memikirkan potensi alternatif terhadap hartanah yang diperoleh sekiranya perancangan asal tidak dapat dilaksanakan melalui kelulusan Lembaga Pengarah. YIPs akan mengalami kerugian apabila ladang kelapa sawit seluas 9.08 ekar tidak diusahakan.

1.6.2.4. Cadangan Projek Pembinaan Gudang Pejabat dan Kedai Pejabat Tiga (3) Tingkat

Lembaga Pengarah pada bulan November 2012 telah meluluskan cadangan untuk membina 42 unit Gudang Pejabat dan 26 unit Kedai Pejabat tiga (3) Tingkat di Lot 55, Mukim Utan Aji yang berkeluasan 5.33 ekar dengan kos berjumlah RM20.37 juta. Bagi membiayai kos pembinaan ini, YIPs akan mencagarkan tanah Lot 55, Mukim Utan Aji untuk mendapatkan pinjaman bank. Menerusi kertas cadangan yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah, sekiranya kesemua gudang dan kedai pejabat tersebut disewakan, YIPs dianggarkan mendapat hasil sewa berjumlah RM2.61 juta setahun. Sekiranya kesemua 26 unit Kedai Pejabat dijual, YIPs dianggarkan mendapat hasil jualan berjumlah RM15.40 juta. Baki 42 unit Gudang Pejabat akan disewakan dengan pendapatan sebanyak RM1.24 juta setahun. Semakan Audit seterusnya mendapati perkara berikut:

a. Bayaran Pampasan Perpindahan Berjumlah RM778,800 Tiada Kelulusan Lembaga Pengarah

- i. Pada bulan Oktober 1995, YIPs menerusi peguam yang dilantik telah mengarahkan kesemua 51 penyewa yang menduduki premis di tanah Lot 55, Mukim Utan Aji untuk mengosongkannya dengan dibayar pampasan perpindahan mengikut nilai yang disediakan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Perlis (JPPH) berjumlah RM850,300. Bagaimanapun, tiada arahan pengosongan dikeluarkan oleh YIPs selepas tarikh berkenaan.
- ii. Semakan Audit mendapati YIPs telah membuat pembayaran berjumlah RM798,800 dengan menggunakan sumber kewangan sendiri kepada 44 orang penyewa antara bulan Ogos 2013 hingga Ogos 2015. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM778,800 bayaran kepada 43 penyewa belum mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Hanya bayaran pampasan berjumlah RM20,000 kepada seorang penyewa telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semakan Audit juga mendapati tiada justifikasi disediakan oleh YIPs bagi tambahan bayaran pampasan yang melebihi daripada penilaian oleh JPPH iaitu berjumlah RM34,500 kepada lima (5) orang penyewa seperti di jadual di bawah:

JADUAL 1.7
SENARAI PENYEWA YANG DIBAYAR PAMPASAN PERPINDAHAN
MELEBIHI NILAIAN JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

BIL.	NO. PREMIS KEDIAMAN PENYEWA	PENILAIAN BAYARAN PAMPASAN OLEH JPPH (RM)	BAYARAN PAMPASAN OLEH YIPs (RM)	LEBIHAN BAYARAN PAMPASAN (RM)
1.	32A	22,000	33,000	11,000
2.	40	35,000	43,000	8,000
3.	44	30,500	38,500	8,000
4.	34E	7,000	12,000	5,000
5.	42A	2,500	5,000	2,500
JUMLAH		97,000	131,500	34,500

Sumber: Yayasan Islam Perlis

- iii. Bayaran pampasan berjumlah RM778,800 kepada 43 penyewa tanpa kelulusan Lembaga Pengarah ini ditafsirkan sebagai *Improper Payment*, manakala lebihan bayaran berjumlah RM34,500 berbanding penilaian JPPH dan tanpa sebarang justifikasi adalah merugikan YIPs.

Maklum Balas YIPs yang Diterima pada 9 Mac 2018

Bayaran pampasan perpindahan berjumlah RM778,800 akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2 Tahun 2018 untuk kelulusan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran yang tidak cekap dan tidak merujuk kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan telah menyebabkan berlakunya *Improper Payment* berjumlah RM778,800. Bayaran pampasan yang melebihi nilai JPPH dan tanpa sebarang justifikasi pula merugikan YIPs.

b. Penyewa Belum Menerima Bayaran Pampasan Perpindahan

- i. Semakan Audit terhadap Baucar Bayaran bagi Lot 55, Mukim Utan Aji dan penilaian yang dikeluarkan oleh JPPH mendapati seramai tujuh (7) orang penyewa masih belum dibayar dengan pampasan perpindahan berjumlah RM79,000. Lawatan Audit pada 21 Disember 2017 mendapati kesemua penyewa telah mengosongkan lot tanah berkenaan.
- ii. YIPs didapati tidak menyelenggarakan Daftar Penyewa dengan lengkap dan terperinci. Ia telah menyebabkan tujuh (7) orang penyewa belum dibayar pampasan perpindahan berjumlah RM79,000.

Maklum Balas YIPs yang Diterima pada 9 Mac 2018

Bayaran pampasan perpindahan akan dibuat sekiranya penyewa/waris membuat tuntutan. Setakat ini, hanya seorang penyewa sahaja yang ada membuat tuntutan. Peruntukan kewangan khas akan dipohon untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran yang tidak cekap telah menyebabkan seramai tujuh (7) orang penyewa masih belum dibayar wang pampasan perpindahan.

c. Projek Pembinaan Belum Dimulakan

- i. Sehingga tarikh 31 Disember 2017, tanah berkenaan belum dicagarkan oleh YIPs kepada pihak bank untuk tujuan mendapatkan pinjaman. Projek pembinaan yang dicadangkan tersebut masih belum dilaksanakan walaupun kesemua 51 orang penyewa yang menduduki tanah berkenaan telah berpindah keluar pada akhir tahun 2015. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah tidak pernah membincangkan pelaksanaan projek ini

selepas ia diluluskan pada tahun 2012. Lawatan Audit pada 21 Disember 2017 mendapati tapak tanah berkenaan terbiar dan tidak diusahakan seperti di gambar berikut:



GAMBAR 1.5

Lot 55, Mukim Utan Aji
- Tanah Terbiar Kosong dan Tiada Aktiviti
Pembangunan Dijalankan
(21.12.2017)

- ii. Bayaran pampasan perpindahan yang telah dibuat berjumlah RM798,800 tidak memberi hasil pendapatan kepada YIPs disebabkan projek pembangunan yang dirancang tidak dilaksanakan dengan segera.

Maklum Balas YIPs yang Diterima pada 9 Mac 2018

Rancangan pembangunan asal tidak dapat dilaksanakan memandangkan pihak pelabur menghadapi masalah kewangan. Pada 12 Mac 2018, sebuah anak syarikat Agensi Persekutuan akan datang melawat tapak berkenaan untuk meninjau potensi kemajuan pembangunan serta kerjasama yang boleh dijalinakan dengan YIPs.

Pada pendapat Audit, pengurusan perancangan pelaksanaan projek yang lemah telah menyebabkan tanah terbiar kosong dan tidak diusahakan untuk menjana pendapatan kepada YIPs.

1.6.2.5. Cadangan Projek Pembinaan Apartmen Untuk Penempatan Asrama Kolej Polytech MARA

- a. Lembaga Pengarah pada bulan Disember 2014 meluluskan secara dasar cadangan pembinaan sebuah apartmen untuk dijadikan asrama kepada pelajar Kolej Polytech MARA di Lot 942 dan Lot 932, Mukim Sena yang berkeluasan 3.61 ekar. Lembaga Pengarah juga menghendaki Kajian Pasaran dijalankan sebelum ia diiklankan bagi meyakinkan pembeli untuk memiliki apartmen berkenaan.
- b. Semakan Audit mendapati tiada sebarang Kajian Pasaran dijalankan oleh YIPs sebagaimana dikehendaki oleh Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, YIPs telah menjalankan kerja-kerja menambun tanah di Lot 942 mulai bulan

Oktober 2014 hingga Februari 2015 melibatkan 1,155 buah lori yang berjumlah RM153,410, walaupun Lembaga Pengarah belum membuat keputusan untuk melaksanakan projek berkenaan. Perolehan yang dibuat secara terus ini tidak mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2 yang menghendaki ia dibuat secara sebut harga. Lawatan Audit pada 30 November 2017 mendapati tapak tanah berkenaan terbiar tidak diusahakan seperti gambar berikut:

GAMBAR 1.6



Lot 942, Mukim Sena
- Tanah Terbiar Kosong dan Tiada Aktiviti
Pembangunan Dijalankan
(30.11.2017)

GAMBAR 1.7



Lot 932, Mukim Sena
- Tanah Terbiar Kosong dan Tiada Aktiviti
Pembangunan Dijalankan
(30.11.2017)

- c. Kerja-kerja menambun tanah berjumlah RM153,410 yang dilaksanakan tanpa perancangan yang teliti merugikan kerana tidak menjana pendapatan segera kepada YIPs.

Maklum Balas YIPs yang Diterima pada 9 Mac 2018

Pemilihan Syarikat Lekha Enterprise dibuat dalam Mesyuarat Pengurusan dan Kewangan YIPs sahaja.

Pada pendapat Audit, pegawai YIPs tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah supaya Kajian Pasaran dijalankan sebelum kerja-kerja pembangunan dilaksanakan.

1.6.2.6. Cadangan Projek Pembinaan Sebuah Kondominium 14 Tingkat dan Sebuah Bangunan Pejabat (8) Tingkat

- a. Lembaga Pengarah pada bulan April 2014 telah meluluskan cadangan pembinaan sebuah Kondominium 14 Tingkat di 13 lot tanah di Mukim Seriab dengan kos pembinaan dianggarkan berjumlah RM26.22 juta. Bagi melaksanakan projek pembinaan tersebut, dua (2) lot tanah iaitu Lot 2031 dan Lot 2032, Mukim Seriab yang berkeluasan 0.06 ekar telah diperolehi dengan harga RM300,000 pada bulan Mei 2014 dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Ia adalah berdasarkan harga yang dinilai oleh JPPH pada bulan

Jun 2013. YIPs juga telah membuat perbelanjaan berjumlah RM71,224 untuk kerja-kerja ujian tanah, penyediaan Laporan Rekabentuk Awalan dan kebenaran merancang pada bulan Jun dan September 2014.

- b. Menerusi surat bertarikh 24 November 2014, YIPs telah menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi membangunkan kondominium tersebut di bawah Program Perumahan Aspirasi. Bagaimanapun, ia tidak diterima oleh SPNB dengan alasan tapak yang dicadangkan terlalu kecil.
- c. Lembaga Pengarah pada bulan April 2015 kemudiannya telah meluluskan cadangan untuk membina sebuah Bangunan Pejabat 8 Tingkat di lot tanah yang sama dengan kos berjumlah RM26.0 juta. Ia akan mempunyai 16 unit ruang pejabat seluas 3,509 meter persegi dan 94 unit parkir kereta. YIPs dikehendaki menyediakan Kajian Pasaran secara menyeluruh bagi memastikan cadangan projek ini berjaya dilaksanakan. Kertas Cadangan tersebut adalah berdasarkan kepada *Preliminary Feasibility Study 1* bagi Pembinaan Sebuah Kondominium 14 Tingkat dan Sebuah Bangunan Pejabat lapan (8) Tingkat yang disediakan oleh Perunding BE Sdn. Bhd. pada bulan Julai 2014, menganggarkan YIPs memperoleh hasil sewa ruang pejabat berjumlah RM192,700 sebulan, tidak termasuk parkir berbayar. Kos pengurusan dan penyelenggaraan dianggarkan 30% daripada hasil sewa yang diterima. Bagaimanapun, projek tersebut tidak diteruskan disebabkan masalah kewangan yang dihadapi oleh YIPs.
- d. Pada bulan Februari 2016, pada dasarnya Syarikat Angkasa Bina Sdn. Bhd. telah bersetuju untuk memajukan projek membina Sebuah Pejabat lapan (8) Tingkat berkenaan secara usaha sama. Semakan Audit mendapati tiada keputusan dibuat oleh Lembaga Pengarah untuk memajukan tanah berkenaan sehingga kini. Lawatan Audit pada 30 November 2017 mendapati tapak tanah cadangan pembinaan tersebut terbiar tidak diusahakan. Bagaimanapun, Lot 2021 hingga Lot 2025 diteruskan sewaan sebagai tapak jualan kereta terpakai semenjak tanah tersebut disumbangkan kepada YIPs seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.8



Lot 2028 Hingga Lot 2035, Mukim Seriab
- Tanah Terbiar Kosong dan Tiada Aktiviti
Pembangunan Dijalankan
(30.11.2017)

GAMBAR 1.9



Lot 2021 Hingga Lot 2025, Mukim Seriab
- Tapak Masih Disewakan Kepada
Pengusaha Jualan Kereta Terpakai
(30.11.2017)

- e. Perancangan yang tidak dibuat dengan teliti dan menyeluruh telah menyebabkan cadangan projek pembinaan tidak dilaksanakan dan sejumlah RM71,224 perbelanjaan tidak menjana pendapatan kepada YIPs.

Pada pendapat Audit, pengurusan perancangan yang tidak cekap telah menyebabkan berlakunya pembaziran berjumlah RM71,224.

1.6.2.7. Pembangunan Ladang Mangga Harumanis

Pada bulan Julai 2015, Pengerusi Lembaga Pengarah mencadangkan YIPs menceburi bidang pertanian dengan menjadi pengeluar mangga Harumanis dan berpotensi mendapat keuntungan jualan yang amat baik. Menerusi cadangan tersebut, YIPs telah mengusahakan tanah di Lot 5283, Mukim Beseri yang berkeluasan 51.22 ekar dengan tanaman mangga Harumanis. Aktiviti pertanian telah mula dijalankan pada bulan April 2016. Sehingga bulan Oktober 2017, sejumlah RM161,978 telah dibelanjakan untuk membeli anak pokok mangga Harumanis, baja, peralatan dan jentera pertanian. Ia melibatkan perbelanjaan berjumlah RM91,694 yang dibuat pada tahun 2016 dan RM70,284 pada tahun 2017. Aktiviti pertanian ini diusahakan sendiri oleh kakitangan YIPs pada setiap hari Selasa dan Khamis. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Pokok Mangga Harumanis Ditanam di Kawasan yang Tidak Sesuai

- i. Jabatan Pertanian Negeri Perlis mengesyorkan supaya pokok mangga Harumanis ditanam pada jarak 30 kaki x 30 kaki di tanah yang mempunyai kandungan mineral yang tinggi serta saliran yang baik. Ia bagi memastikan pokok yang ditanam dapat membesar dengan subur dan mengeluarkan buah yang optimum. Laporan Ujian Kesesuaian Tanah yang diperoleh daripada Jabatan Pertanian Telok Chengai, Kuala Kedah, pada 5 Ogos 2015 mendapati kawasan tanah seluas 12.26 ekar (23.9%) sesuai ditanam dengan pokok mangga Harumanis, 33.37 ekar (65.1) adalah

sederhana sesuai, 3.87 ekar (7.6%) tidak sesuai, manakala 1.72 ekar (3.4%) digunakan untuk penempatan dan padang bola sepak.

- ii. Semakan Audit mendapati YIPs merekodkan sejumlah 2,041 pokok mangga Harumanis ditanam di tanah seluas 39.07 ekar (76.3%) daripada keseluruhan 51.22 ekar tanah dan dibahagikan kepada sembilan (9) blok. Lawatan Audit pada 28 Disember 2017 di Blok G, Blok H dan Blok I yang ditanam dengan sejumlah 793 pokok mangga Harumanis mendapati 36 (4.5%) daripadanya telah mati. Kawasan ini dikategorikan sebagai “sederhana sesuai” kerana terdapat kawasan tanah yang tidak rata dan berair. Keadaan ini juga menyebabkan pembesaran pokok mangga Harumanis terbantut dan tidak subur seperti di **Gambar 1.10**. Di kawasan lain, pokok mangga Harumanis hidup dengan baik dan subur adalah seperti di **Gambar 1.11**.

GAMBAR 1.10



Lot 5283, Mukim Beseri
- Tumbesaran Pokok Mangga Harumanis Terbantut dan Tidak Subur Kerana Ditanam di Kawasan Tanah yang Tidak Rata dan Berair (28.12.2017)

GAMBAR 1.11



Lot 5283, Mukim Beseri
- Tumbesaran Pokok Mangga Harumanis yang Baik Kerana Ditanam di Kawasan Tanah yang Sesuai (29.11.2017)

- iii. Pegawai daripada Jabatan Pertanian Negeri Perlis yang hadir bersama semasa lawatan Audit dibuat turut mengesahkan pokok mangga Harumanis ini ditanam pada jarak 25 kaki x 25 kaki. Kesannya akan mempengaruhi kualiti dan kuantiti buah serta menyukarkan dalam kawalan pengurusan penyakit, serangga dan penggunaan jentera. Pertumbuhan pokok juga akan terganggu disebabkan ditanam di tanah yang tidak sesuai.

Maklum Balas YIPs yang Diterima pada 9 Mac 2018

Arahan diterima secara lisan daripada Pengarah YIPs supaya tanah berkenaan digunakan secara optimum untuk penanaman pokok mangga Harumanis.

Pada pendapat Audit, pokok mangga Harumanis yang ditanam tanpa mengikut jarak ditetapkan dan di tanah yang tidak sesuai akan memberi

kesan kepada kuantiti dan kualiti buah serta menyukarkan pelaksanaan pengurusan penyakit dan serangga.

b. Pokok Mangga Harumanis Tidak Didaftarkan

- i. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM 5.1 menghendaki Aset Hidup Tumbuhan seperti pokok mangga Harumanis diuruskan mengikut peraturan yang ditetapkan, meliputi penerimaan, pendaftaran, pengendalian dan penggunaan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan, kehilangan dan hapus kira.
- ii. Sehingga tarikh 31 Disember 2017, YIPs telah membelanjakan sejumlah RM33,645 untuk memperoleh sejumlah 2,168 anak pokok mangga Harumanis. Daripada jumlah tersebut, hanya sejumlah 2,041 anak pokok direkodkan ditanam. Pegawai YIPs di Unit Pembangunan dan Ekonomi memaklumkan sejumlah 127 anak pokok telah mati. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan bilangan tersebut disebabkan YIPs tidak menyelenggara rekod berkaitan. Semakan Audit juga mendapati YIPs tidak mendaftarkan perolehan pokok mangga Harumanis tersebut sebagai Aset Hidup Tumbuhan. Maklumat yang perlu didaftarkan adalah tarikh terima, nilai perolehan, luas ladang, bilangan pokok, tarikh tanam dan butiran pelupusan.
- iii. Ia berlaku disebabkan pegawai YIPs yang bertanggungjawab mengurus aktiviti ladang ini tidak peka dengan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Pendaftaran yang tidak dibuat ini akan menyebabkan YIPs sukar membuat pemantauan terhadap jumlah pokok yang diusahakan.

Maklum Balas YIPs yang Diterima pada 9 Mac 2018

Dengan bantuan diterima daripada pegawai dari Unit Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Pejabat Pegawai Kewangan Negeri Perlis, Unit Pengurusan Aset YIPs telah mengambil tindakan mendaftarkan kesemua pokok mangga Harumanis ke dalam Borang KEW.AT berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM 5.1.

Pada pendapat Audit, pengurusan Daftar Aset Hidup tidak cekap dan perlu diselenggara bagi memudahkan pengesanan dan pemantauan aset.

c. Jentera dan Kenderaan Tidak Didaftarkan

- i. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM 2.3 menghendaki semua aset didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan.
- ii. Semakan Audit mendapati sebuah traktor yang dibeli pada bulan Ogos 2016 dengan harga RM30,000 dan sebuah lori terpakai yang dibeli pada bulan Oktober 2016 dengan harga RM4,800 yang digunakan untuk pengurusan ladang mangga Harumanis tidak didaftarkan. Ia berlaku disebabkan pegawai YIPs tidak peka dengan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Ia boleh mengakibatkan aset berkenaan sukar dikesan serta risiko kehilangan mudah berlaku dan merugikan YIPs. Jentera yang dibeli berkenaan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.12



Lot 5283, Mukim Beseri
- Traktor yang Belum Didaftarkan
(28.12.2017)

GAMBAR 1.13



Lot 5283, Mukim Beseri
- Lori Terpakai yang Belum Didaftarkan
(28.12.2017)

Maklum Balas YIPs yang Diterima pada 9 Mac 2018

Dengan bantuan diterima daripada pegawai dari Unit Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Pejabat Pegawai Kewangan Negeri Perlis, Unit Pengurusan Aset YIPs telah mengambil tindakan mendaftarkan perolehan traktor dan lori berkenaan ke dalam Borang KEW.PA-2 berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM 2.3.

Pada pendapat Audit, Daftar Harta Modal tidak diselenggara dengan cekap bagi memudahkan pengesanan dan pemantauan aset.

1.6.3. Pengurusan Pelaburan Dalam Perlis Specialist Hospital Sdn. Bhd.

- 1.6.3.1. Lembaga Pengarah pada bulan Januari 2011 bersetuju mengadakan usaha sama dengan Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn. Bhd. (KPJ) untuk mewujudkan sebuah Pusat Perubatan Pakar di atas tanah Lot 2575 dan Lot 2550,

Mukim Seriab yang berkeluasan 4.33 ekar. Tanah berkenaan kemudiannya telah dinilai pada harga RM6.50 juta dan dipindah milik kepada Perlis Specialist Hospital Sdn. Bhd. (PSH) yang bersamaan dengan 40% pegangan saham oleh YIPs, manakala baki 60% saham dimiliki oleh KPJ seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian Usaha Sama (*Incorporating Shareholders' Agreement*). Perjanjian ini hanya melibatkan pembahagian syer dan telah ditandatangani pada 11 Julai 2011. Semakan Audit mendapati tiada maklumat berkaitan kaedah pembahagian keuntungan.

1.6.3.2. Sehingga tarikh 31 Disember 2017, KPJ Perlis Specialist Hospital yang telah siap dibina ini masih belum beroperasi. Semakan Audit mendapati YIPs tidak mempunyai sebarang maklumat berkaitan tarikh sebenar pembahagian keuntungan operasi hospital bermula. Temu bual Audit mengesahkan pegawai YIPs tidak mempunyai sebarang maklumat berkenaan tarikh dan pembahagian keuntungan tersebut berkuat kuasa dan dikira. Ini akan memberi kesan dari segi bila sepatutnya pembahagian keuntungan dibuat. Bangunan KPJ Perlis Specialist Hospital yang telah siap dibina dan belum beroperasi adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 1.14

Lot 2575 dan Lot 2550, Mukim Seriab
- KPJ Perlis Specialist Hospital yang Telah Siap
Dibina Tetapi Masih Belum Beroperasi
(Sumber: Youtube)

Maklum Balas YIPs yang diterima pada 9 Mac 2018

Pihak pengurusan berusaha untuk mendapatkan maklumat terperinci berkaitan pembahagian keuntungan dalam projek usaha sama ini menerusi wakil YIPs yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Perlis Specialist Hospital.

Pada pendapat Audit, pengurusan YIPs sepatutnya memasukkan maklumat berkaitan agihan pembahagian keuntungan dalam perjanjian usaha sama.

1.6.4. Pengurusan Aset

1.6.4.1. Tunggakan Cukai Tanah

- a. Seksyen 94(2) dan 95, Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 menghendaki setiap pemilik tanah yang berdaftar atau wakilnya bertanggungjawab menjelaskan

cukai tanah sebelum 1 Jun setiap tahun. Seksyen 4(3) Enakmen Yayasan Islam Perlis 1987 pula menghendaki YIPs membayar semua cukai tanah miliknya. Seksyen 100, Kanun Tanah Negara 1965 memberi hak kepada Pentadbir Tanah untuk mengisytiharkan tanah dirampas dan dilucut hak kepada Pihak Berkuasa Negeri sekiranya cukai tanah tidak dijelaskan dalam tempoh masa ditetapkan.

- b. Semakan Audit mendapati tunggakan cukai tanah YIPs yang meliputi kesemua 46 lot tanah miliknya sehingga 31 Disember 2017 berjumlah RM404,096.38. Lot 5283, Mukim Beseri seluas 51.22 ekar yang berkategori sebagai tanah bangunan dan sedang diusahakan dengan tanaman mangga Harumanis mempunyai tunggakan cukai tanah tertinggi iaitu berjumlah RM350,911. Tunggakan cukai tanah ini juga didapati tidak direkodkan dalam penyata kewangan menyebabkan jumlah hutang/liabiliti yang ditanggung oleh YIPs berkurang nyata.
- c. Pegawai YIPs tidak membuat semakan cukai tanah dengan Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis secara berkala. Kegagalan menjelaskan tunggakan cukai tanah boleh mengakibatkan tanah dikenakan dilucut hak oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Maklum Balas YIPs yang Diterima pada 9 Mac 2018

Permohonan pengecualian cukai tanah telah dikemukakan kepada Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis untuk disediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan YIPs adalah tidak cekap sehingga menyebabkan tunggakan cukai tanah berjumlah RM404,096.38 dan tidak direkodkan dalam penyata kewangan.

1.6.4.2. Perolehan Rumah Kedai Belum Selesai

- a. Seksyen 3(c), Enakmen Yayasan Islam Perlis 1987 membenarkan YIPs untuk membeli mana-mana harta alih atau harta tak alih. Lembaga Pengarah pada bulan Januari 2014 telah membuat keputusan untuk membeli tiga (3) unit Rumah Kedai Dua (2) Tingkat di Taman Saujana Indah, Kubang Gajah, Arau dengan harga RM1,384,000. Apabila siap, rumah kedai tersebut akan disewakan pada kadar RM4,000 sebulan/unit.

- b. Semakan Audit mendapati YIPs hanya membuat perolehan dua (2) unit rumah kedai sahaja yang berjumlah RM957,600 disebabkan masalah kewangan. Perjanjian Jual Beli di tandatangan pada 26 November 2014 dan bayaran pendahuluan sebanyak 10% yang berjumlah RM95,760 dijelaskan. Lawatan Audit ke tapak projek pada 4 Disember 2017 mendapati kerja-kerja pembinaan telah ditangguhkan oleh pemaju disebabkan rumah kedai berkenaan tidak mendapat permintaan. Penangguhan dalam kerja-kerja pembinaan tersebut telah menyebabkan YIPs lewat mendapat pulangan pendapatan dalam bentuk hasil sewa. Kerja-kerja pembinaan yang ditangguhkan tersebut adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 1.15

Taman Saujana Indah, Kubang Gajah, Arau
- Kerja-kerja Pmbinaan Rumah Kedai
Dua (2) Tingkat Ditangguhkan Oleh Pemaju
(30.11.2017)

Maklum Balas YIPs yang Diterima pada 9 Mac 2018

Menerusi surat bertarikh 7 Februari 2018, pemaju telah bersetuju untuk membatalkan Perjanjian Jual Beli terdahulu dan akan memulangkan kembali wang deposit berjumlah RM95,760 yang telah dibayar. Sehingga kini, pembayaran balik wang deposit tersebut masih belum diterima oleh YIPs.

Pada pendapat Audit, tindakan YIPs bersetuju membatalkan Perjanjian Jual Beli adalah wajar kerana projek berkenaan terbengkalai tidak dilaksanakan pembinaannya.

1.6.4.3. Pelupusan Aset

- a. Seksyen 10(b), Enakmen Yayasan Islam Perlis 1987 membenarkan YIPs melupuskan aset miliknya dengan cara menjual.
- b. Pada bulan Disember 2016, Lembaga Pengarah membuat keputusan untuk menjual pengurusan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Quraat (MTAQ), bersama-sama dengan tiga (3) blok bangunan berserta inventori dan tanah Lot 2378, Mukim Beseri yang berkeluasan 7.55 ekar kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Berdasarkan kepada penilaian

harga oleh dua (2) Jurunilai Berlesen yang dilantik, Lembaga Pengarah YIPs membuat keputusan menjualnya dengan harga RM3.20 juta. Perjanjian Jual Beli di tandatangan pada 28 Ogos 2017 dan bayaran penuh diterima pada 18 Disember 2017.

- c. Semakan Audit mendapati pengurusan jual beli ini telah dilaksanakan dengan baik. Keputusan penjualan dipersetujui oleh Lembaga Pengarah dan penetapan harga jualan adalah berdasarkan kepada penilaian yang diperoleh daripada dua (2) Jurunilai Berlesen. Hartanah MTAQ yang dijual tersebut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.16



**Lot 2378, Mukim Beseri
- Sebahagian Daripada Bangunan MTAQ
yang Dijual Kepada MAIPs
(29.11.2017)**

GAMBAR 1.17



**Lot 2378, Mukim Beseri
- Sebahagian Daripada Bangunan MTAQ
yang Dijual Kepada MAIPs
(29.11.2017)**

Pada pendapat Audit, urusan penjualan aset milik YIPs telah dilaksanakan dengan baik dan dibuat menerusi perjanjian.

1.7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan sewa dan pembangunan projek di masa hadapan, adalah disyorkan supaya Yayasan Islam Perlis mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:

1.7.1. perjanjian sewa disediakan dan bayaran sewa dikutip mengikut jumlah dan tempoh masa ditetapkan;

1.7.2. analisis pelaburan hartanah secara berkesan perlu dijalankan dengan meneliti dan mengambil kira aspek-aspek strategik, ekonomi dan teknikal keperluan tempatan dengan input daripada semua pihak yang berkepentingan, sebelum ia dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah;

1.7.3. mengkaji semua perjanjian usaha sama dengan bantuan Pegawai Undang-undang Negeri supaya mendapat keseimbangan pulangan pelaburan kepada pihak YIPs;

1.7.4. pentadbiran pembangunan projek dan pengurusan kewangan dijalankan berdasarkan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa; dan

1.7.5. menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyiasat isu-isu yang melibatkan elemen ketirisan, *improper payment* mahupun melibatkan salah laku penjawat awam yang menguruskan hartanah YIPs.



BAHAGIAN II

**PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI**

PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) JABATAN/AGENSI NEGERI

2. PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI (INDEKS AKAUNTABILITI)

2.1. PENDAHULUAN

2.1.1. Pengurusan kewangan sesebuah organisasi adalah merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengawalan, pemantauan dan penilaian. Proses ini perlu dilaksanakan berdasarkan dua (2) prinsip utama iaitu legaliti dan akauntabiliti. Ini bermaksud seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan sumber awam perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi serta mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaiannya kepada pegawai yang mewakili kuasa.

2.1.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara menilai prestasi pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

2.1.3. Pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap elemen kawalan utama akan diberikan markah bagi tujuan penarafan. Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap penarafan yang Cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Jabatan/Agensi Negeri akan diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.1
PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENARAFAN
90 hingga 100	Cemerlang	
80 hingga 89.9	Baik	
70 hingga 79.9	Memuaskan	
60 hingga 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.1.4. Penambahbaikan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

2.1.4.1. Pada tahun 2017, kajian semula terhadap pengauditan pengurusan kewangan telah dilaksanakan berdasarkan maklum balas daripada pelbagai pihak dan juga *lessons learnt* daripada pengauditan yang dilaporkan. Antara isu yang dikenal pasti dan dikaji semula adalah:

- i. auditi dinilai secara menyeluruh dan tidak diklasifikasikan mengikut kriteria yang tertentu seperti peruntukan, bilangan pusat tanggungjawab, perbelanjaan, hasil dan lain-lain;
- ii. persampelan Audit tidak mengambil kira saiz sesebuah Auditi; dan
- iii. aspek risiko tidak diterapkan dalam pemberian markah dan keberkesanan kriteria.

2.1.4.2. Pindaan kepada Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) telah mengambil kira penambahbaikan berikut:

- i. klasifikasi Kementerian kepada dua (2) kategori iaitu Jabatan Mengakaun Sendiri dan Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri;
- ii. persampelan – saiz sampel mengambil kira sampel yang dilaksanakan dalam pengauditan interim penyata kewangan, pengauditan prestasi, tadbir urus dan lain-lain;
- iii. setiap kriteria audit diberikan tahap risiko;

- iv. tempoh pengauditan bagi Jabatan/Agensi yang dilaksanakan secara pusingan; dan
- v. format pelaporan bagi pengauditan pengurusan kewangan (AI) disediakan dengan berteraskan konsep "ABC" iaitu tepat, padat dan sempurna (*accuracy, brevity and completeness*).

2.1.4.3. Penetapan Risiko Terhadap Kriteria Audit

Risiko adalah kebarangkalian berlakunya perkara-perkara yang tidak sepatutnya atau berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan yang memberi impak kepada pengurusan kewangan. Tujuan analisis risiko dan impak dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Jabatan/Agensi Negeri mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil tindakan susulan. Skala pemarkahan bagi setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko seperti jadual berikut:

JADUAL 2.2
SKALA PEMARKAHAN BERDASARKAN TAHAP RISIKO

SKALA	TAHAP RISIKO	KETERANGAN
3	Tinggi	Ketidakpatuhan yang memberi impak besar kepada kawalan dalaman organisasi serta boleh mengakibatkan berlakunya pemborosan, pembaziran, kehilangan dan penyelewengan.
2	Sederhana	Ketidakpatuhan yang memberi impak sederhana kepada pengurusan kewangan dan boleh menjejaskan operasi organisasi dalam jangka panjang.
1	Rendah	Ketidakpatuhan yang memberi impak kecil kepada pengurusan kewangan dan tidak menjejaskan operasi organisasi.

2.1.5. Memandangkan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) pada tahun 2017 menggunakan pendekatan baru iaitu berdasarkan risiko, hanya prestasi kewangan tahun 2017 sahaja dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 dan tiada perbandingan dengan prestasi tahun sebelum.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan bagi tujuan berikut:

- 2.2.1. menilai wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 2.2.2. menilai wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan;
- 2.2.3. menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 2.2.4. menentukan sama ada rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

2.3.1. Bagi Jabatan Negeri, semakan Audit merangkumi lapan (8) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2017 melibatkan empat (4) Jabatan/Pejabat.

2.3.2. Bagi Agensi Negeri penilaian telah dibuat terhadap sembilan (9) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Pengauditan telah dijalankan di tiga (3) Pejabat/Agensi. Pengauditan telah dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2017 serta penyata kewangan Pejabat/Agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

2.4.1. Pengauditan dijalankan berpanduan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko yang disediakan berasaskan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) yang diterima pakai oleh negara anggota *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). ISSAI 4000 *Compliance Audit* menggalakkan amalan tadbir urus organisasi yang baik dengan memastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan polisi yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

2.4.2. Semakan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dipilih. Pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh dan memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit.

2.5. PENEMUAN AUDIT

2.5.1. Prestasi Keseluruhan

2.5.1.1. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di tujuh (7) Jabatan/Agensi Negeri Perlis bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan dua (2) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Jabatan pada tahap Baik, tiga (3) Jabatan/Agensi pada tahap Kurang Memuaskan dan satu (1) Jabatan pada tahap Tidak Memuaskan. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara keseluruhan bagi tahun 2017 adalah seperti di carta berikut:


CARTA 2.1
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

2.5.1.2. Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan bagi tujuh (7) Jabatan/ Agensi Negeri yang dinilai pada tahun 2017 adalah seperti di carta berikut:

CARTA 2.2
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

2.5.2. Prestasi Jabatan Negeri Mengikut Kawalan

Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi lima (5) Jabatan Negeri adalah seperti di carta berikut:

CARTA 2.3
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN NEGERI BAGI TAHUN 2017 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi dua (2) Agensi Negeri pula mendapati secara keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan adalah seperti di carta berikut:

CARTA 2.4
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2017 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN




Sumber: Jabatan Audit Negara

2.5.2.1. Kawalan Pengurusan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, satu (1) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Jabatan berada pada tahap Baik, dua (2) Jabatan berada pada tahap Memuaskan dan satu (1) Jabatan pada tahap Tidak Memuaskan dalam elemen Kawalan Pengurusan. Bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi berada pada tahap Baik dan satu (1) Agensi berada pada tahap Kurang Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan bagi tahun 2017 adalah seperti di carta berikut:


CARTA 2.5
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN JABATAN/AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi tujuh Jabatan/Agensi Negeri adalah seperti di carta berikut:

CARTA 2.6
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.3
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Mesyuarat JPKA, JKA, JITU dan JTPK tidak/lewat diadakan mengikut tempoh ditetapkan.	i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis ii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Isu berbangkit lewat dikenalpasti dan diambil tindakan segera.
2.	Pemeriksaan mengejut dijalankan oleh Ketua Jabatan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali. (AP309)	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis ii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis iii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis	i. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis ii. Majlis Perbandaran Kangar	Boleh menyebabkan: i. Kelemahan pengurusan tidak dapat dikenalpasti dengan segera serta tindakan penambahbaikan/pembetulan tidak/lewat diambil yang membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa.
3.	Pegawai tidak menghadiri atau tidak diberi kursus/latihan yang berkaitan dengan tugas.	i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis ii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis iii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis	Majlis Perbandaran Kangar	Boleh menyebabkan: i. Pelaksanaan tugas tidak mengikut peraturan/kaedah/proses kerja terkini. ii. Pengetahuan dan kemahiran pegawai tidak dapat dipertingkatkan.
4.	Pusingan tugas tidak dilaksanakan.	i. Jabatan Kehakiman dan Syariah Negeri Perlis ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis	i. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis ii. Majlis Perbandaran Kangar	Boleh menyebabkan: i. Membuka ruang kepada penyelewengan/ penyalahgunaan kuasa dan fraud. ii. Pengetahuan dan kemahiran pegawai tidak dapat dipertingkatkan dan dipelbagaikan.
5.	Pemeriksaan dalaman tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik. (AP308)	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis ii. Jabatan Kehakiman dan Syariah Negeri Perlis iii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis iv. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis		Boleh menyebabkan: i. Kelemahan pengurusan tidak dapat dikenalpasti dengan segera serta tindakan penambahbaikan/pembetulan tidak/lewat diambil yang membuka ruang kepada penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.5.2.2. Kawalan Bajet

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, tiga (3) Jabatan mencapai tahap Cemerlang dan dua (2) Jabatan berada pada tahap Baik. Bagi Agensi Negeri, kesemua dua (2) Agensi mencapai tahap Cemerlang. Pencapaian Jabatan/Agensi Negeri dari aspek elemen Kawalan Bajet bagi tahun 2017 adalah seperti di carta berikut:


CARTA 2.7
PENCAPAIAN KAWALAN BAJET JABATAN/AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Kawalan Bajet bagi tujuh (7) Jabatan/Agensi Negeri adalah seperti di carta berikut:

CARTA 2.8
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN BAJET



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.4
KELEMAHAN DALAM KAWALAN BAJET


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Laporan Bajet Program dan Prestasi Tahun Kewangan lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis	Tiada	Boleh menyebabkan: i. Isu berbangkit lewat dikenalpasti dan diambil tindakan segera.
2.	Pindah peruntukan tidak dikemas kini dalam Sistem Kewangan.	Tiada	Majlis Perbandaran Kangar	Boleh menyebabkan: i. Berlakunya perbelanjaan melebihi/tanpa peruntukan.
3.	Peruntukan tambahan/khas/ luar jangka/virement tidak dibelanjakan.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis	Tiada	Boleh menyebabkan: i. Aktiviti/Program lain tidak dapat dilaksanakan disebabkan peruntukan sedia ada tidak mencukupi.
4.	Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan dibelanja kurang daripada 50%.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis	Tiada	Boleh menyebabkan: i. Aktiviti pembangunan lain tidak dapat dilaksanakan disebabkan peruntukan sedia ada tidak mencukupi.
5.	Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai Bulanan yang disahkan Pegawai Pengawal lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri.	Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis	Tiada	Boleh menyebabkan: i. Perbendaharaan Negeri sukar menyediakan perancangan kewangan dengan tepat dan segera.

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.5.2.3. Kawalan Terimaan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, tiga (3) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Jabatan berada pada tahap Memuaskan dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Kurang Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan satu (1) Agensi berada pada tahap Baik. Pencapaian Jabatan/Agensi Negeri dari aspek elemen Kawalan Terimaan bagi tahun 2017 adalah seperti di carta berikut:


CARTA 2.9
PENCAPAIAN KAWALAN TERIMAAN JABATAN/AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 36 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi tujuh (7) Jabatan/Agensi Negeri adalah seperti di carta berikut:

CARTA 2.10
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.5
KELEMAHAN DALAM KAWALAN TERIMAAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Proses kemasukan pungutan ke bank tidak dibuat dengan segera dan teratur.	i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis ii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis	Tiada	Boleh menyebabkan: ii. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa, fraud dan kehilangan/kecurian wang pungutan.
2.	Resit bagi penerimaan hasil melalui mel tidak disediakan pada hari yang sama dan dihantar selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya.	i. Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis ii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis	i. Majlis Perbandaran Kangar ii. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan fraud.
3.	ID Pengguna digunakan semasa ketiadaan pegawai.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis	Tiada	Boleh menyebabkan: i. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan fraud.
4.	Akaun Belum Terima tidak dilaporkan dengan tepat dan Penyata Akaun Belum Terima tidak dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis	Tiada	Boleh menyebabkan: i. Tindakan awal untuk mengelakkan peningkatan jumlah tunggakan hasil sukar diambil. ii. Pelaporan yang tidak tepat.
5.	Tindakan susulan tidak diambil terhadap penghutang yang mempunyai jumlah hutang yang tertunggak.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis	i. Majlis Perbandaran Kangar ii. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Kelemahan pengurusan tidak dapat dikenalpasti dengan segera serta tindakan penambahbaikan/pembetulan tidak/lewat diambil yang membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.5.2.4. Pengurusan Perolehan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, tiga (3) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, manakala dua (2) Jabatan berada pada tahap Baik. Bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi berada pada tahap Memuaskan dan satu (1) Agensi berada pada tahap Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Pengurusan Perolehan bagi tahun 2017 adalah seperti di carta berikut:

CARTA 2.11
PENCAPAIAN PENGURUSAN PEROLEHAN JABATAN/AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 36 kriteria dalam Pengurusan Perolehan bagi tujuh (7) Jabatan/Agensi adalah seperti di carta berikut:



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.6
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Pembelian terus dibuat bagi bekalan setiap jenis item/perkhidmatan melebihi RM20,000 setahun atau had yang ditetapkan dalam peraturan kewangan agensi.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan fraud. ii. Tidak mendapat harga yang menguntungkan.
2.	Pesanan Tempatan dikeluarkan terlebih dahulu sebelum bekalan/perkhidmatan diterima.	i. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis ii. Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis	i. Majlis Perbandaran Kangar ii. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: iii. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan fraud.
3.	Semua/sebahagian kontrak tidak didaftarkan dan daftar/rekod pembayaran kontrak secara berkala tidak diselenggara untuk rujukan dan pemantauan pembayaran.	i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis ii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis	i. Majlis Perbandaran Kangar ii. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan fraud.
4.	Kontrak ditandatangani melebihi tempoh empat (4) bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Kepentingan kerajaan tidak dijaga sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap terma kontrak.
5.	Kajian pasaran untuk pembelian terus tidak dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran daripada pembekal tempatan.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis	i. Majlis Perbandaran Kangar ii. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan fraud. ii. Perolehan yang dilaksanakan tidak menguntungkan Kerajaan dengan mengambilkira aspek kualiti dan harga.

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.5.2.5. Kawalan Perbelanjaan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, dua (2) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Jabatan berada pada tahap Baik, satu (1) Jabatan berada pada tahap Memuaskan dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Tidak Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan satu (1) Agensi mencapai tahap Baik. Pencapaian Jabatan/Agensi Negeri dari aspek elemen Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah seperti di carta berikut:


**CARTA 2.13
PENCAPAIAN KAWALAN PERBELANJAAN
JABATAN/AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2017**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi tujuh (7) Jabatan/Agensi adalah seperti carta berikut:

**CARTA 2.14
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PERBELANJAAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.7
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Kawalan dalaman bagi proses pembayaran tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis iii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa iv. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis	Majlis Perbandaran Kangar	Boleh menyebabkan: iv. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan fraud.
2.	Tiada bukti Laporan Pukal (BP21) disemak dengan bil asal.	i. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis ii. Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis iii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis iv. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis	Tiada	Boleh menyebabkan: i. Berlakunya lebihan pembayaran kepada pembekal.
3.	Panjar Wang Runcit digunakan untuk pembayaran yang tidak dibenarkan.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Kelemahan pengurusan tidak dapat dikenalpasti dengan segera serta tindakan penambahbaikan/pembetulan tidak/lewat diambil yang membuka ruang kepada penyelewengan
4.	Kad Pintar digunakan semasa ketiadaan pegawai.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis	Tiada	Boleh menyebabkan: i. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan fraud. ii. Ketua Jabatan tidak dapat mengambil tindakan terhadap penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan fraud yang berlaku.
5.	Penurunan kuasa secara khusus tidak diberikan kepada pegawai yang terlibat dalam bayaran.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Kelemahan pengurusan tidak dapat dikenalpasti dengan segera serta tindakan penambahbaikan/pembetulan tidak/lewat diambil yang membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa.

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.5.2.6. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, satu (1) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, dua (2) Jabatan berada pada tahap Memuaskan dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Tidak Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi berada pada tahap Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Terimaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


CARTA 2.15
PENCAPAIAN PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH
DAN DEPOSIT JABATAN/AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi tujuh (7) Jabatan/Agensi adalah seperti carta berikut:

CARTA 2.16
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.8
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Baki di Penyata Terimaan dan Penyata Bayaran tidak bersamaan dengan baki di Laporan A441, Buku Akaun Amanah dan Sijil Pengesahan Baki.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis	Tiada	Boleh menyebabkan: V. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan fraud.
2.	Daftar Pendahuluan Diri tidak diselenggara dengan lengkap.	Tiada	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Kelewatan dalam proses kutipan bayaran balik.
3.	Bayaran balik dan pelarasan Pendahuluan Pelbagai tidak dibuat mengikut tempoh ditetapkan.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis	Majlis Perbandaran Kangar	Boleh menyebabkan: i. Kelemahan dalam pengurusan kutipan bayaran balik.
4.	Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan tidak diwartakan.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis ii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis	i. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis ii. Majlis Perbandaran Kangar	Boleh menyebabkan: i. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan fraud.
5.	Deposit yang tidak dituntut melebihi tiga (3) bulan selepas diwartakan tidak dihantar kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut Akta Wang Tidak Dituntut.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis	i. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis ii. Majlis Perbandaran Kangar	Boleh menyebabkan: i. Bebanan menyelenggara deposit yang tidak sepatutnya.

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.5.2.7. Pengurusan Aset dan Stor

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, dua (2) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Jabatan berada pada tahap Memuaskan dan dua (2) Jabatan berada pada tahap Tidak Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi berada pada tahap Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi Negeri dari aspek elemen Kawalan Terimaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


CARTA 2.17
PENCAPAIAN PENGURUSAN ASET DAN STOR
JABATAN/AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 64 kriteria dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi tujuh (7) Jabatan/Agensi Negeri adalah seperti carta berikut:

CARTA 2.18
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.9
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Agenda mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang ditetapkan tidak dibincangkan.	i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis ii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis	i. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis ii. Majlis Perbandaran Kangar	Boleh menyebabkan: i. Isu berbangkit lewat dikenalpasti dan diambil tindakan segera.
2.	Aset tidak didaftarkan dalam Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Aset Alih Bernilai Rendah (KEW.PA-3).	i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis ii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis iii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis	Majlis Perbandaran Kangar	Boleh menyebabkan: i. Aset sukar dikesan, menyukarkan pemantauan dan menjuruskan kepada penyelewengan, penyalahgunaan dan kehilangan/kecurian aset.
3.	Aset tidak diperiksa sekurang-kurangnya 1 kali setahun.	i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis ii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis iii. Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis iv. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis	i. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis ii. Majlis Perbandaran Kangar	Boleh menyebabkan: i. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan/kehilangan aset.


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
4.	Aset tidak diberi tanda pengenalan dan tiada nombor siri pendaftaran.	i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis ii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis iii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis	i. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis ii. Majlis Perbandaran Kangar	Boleh menyebabkan: i. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan/kehilangan/kecurian aset.
5.	Pegawai Pemeriksa Stok tidak membuat pengesahan dengan mencatatkan nama dan tarikh pada akhir transaksi di Kad Kawalan Stok setelah pemeriksaan dilakukan.	i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis ii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis iii. Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis iv. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan aset.

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.5.2.8. Pengurusan Kenderaan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, satu (1) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Jabatan berada pada tahap Baik, satu (1) Jabatan berada pada tahap Memuaskan dan dua (2) Jabatan berada pada tahap Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan dari aspek elemen Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


CARTA 2.19
PENCAPAIAN PENGURUSAN KENDERAAN JABATAN NEGERI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Pengurusan Kenderaan bagi lima (5) Jabatan/Agensi adalah seperti carta berikut:

CARTA 2.20
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN KENDERAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.10
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KENDERAAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN JABATAN	IMPAK
1.	Kenderaan digunakan tanpa kelulusan Pegawai Kenderaan.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Membuka ruang kepada penyalahgunaan aset Kerajaan.
2.	Buku rekod kad inden minyak tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.	i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis ii. Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis iii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan dan fraud.
3.	Buku rekod kad inden minyak tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.	i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis ii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan perolehan minyak.
4.	Penyelesaian saman tertunggak tidak diberi peringatan bertulis oleh Ketua Jabatan dan tiada tindakan selanjutnya diambil untuk menyelesaikan saman.	i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis ii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis iii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Reputasi Jabatan tercalar.


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN JABATAN	IMPAK
5.	Penyata penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) bagi kenderaan Jabatan/Agensi tidak dicetak daripada syarikat pembekal KSBTTR dan semakan tidak dilakukan oleh pegawai kenderaan.	Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kad serta lebihan pembayaran.

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.5.2.9. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan/Agensi Negeri, dua (2) Jabatan/Agensi mencapai tahap Cemerlang dan satu (1) Agensi berada pada tahap Baik. Pencapaian Jabatan/Agensi Negeri dari aspek elemen Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


CARTA 2.21
PENCAPAIAN PENGURUSAN PELABURAN DAN
PINJAMAN JABATAN/AGensi NEGERI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi tiga (3) Jabatan/Agensi Negeri adalah seperti carta berikut:

CARTA 2.22
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.11
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN AGENSI	IMPAK
1.	Polisi dan prosedur pelaburan tidak disediakan.	Majlis Perbandaran Kangar	Boleh menyebabkan: i. Pengurusan pelaburan tidak standard dan selari dengan yang dibenarkan.
2.	Daftar Pelaburan tidak disediakan.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Pemantauan sukar dilaksanakan.
3.	Bayaran balik pinjaman tidak mengikut jadual.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Meningkatkan bebanan bayaran balik pinjaman di masa hadapan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.5.2.10. Pengurusan Penyata Kewangan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan/Agensi Negeri, satu (1) Jabatan mencapai tahap Cemerlang dan dua (2) Agensi berada pada tahap Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi Negeri dari aspek elemen Pengurusan Penyata Kewangan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


CARTA 2.23
PENCAPAIAN PENGURUSAN
PENYATA KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Pengurusan Penyata Kewangan tiga (3) Jabatan/Agensi Negeri adalah seperti carta berikut:

CARTA 2.24
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.12
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN AGENSI	IMPAK
1.	Sistem perakaunan tidak memperoleh Sijil Pematuhan <i>Standard Accounting System for Government Agencies</i> (SAGA).	i. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis ii. Majlis Perbandaran Kangar	Boleh menyebabkan: i. Sistem perakaunan tidak boleh ditutup setiap hari bagi menjana penyata kewangan, tidak fleksibel untuk penambahan/pengurangan modul, tidak berupaya secara <i>online</i> , tidak boleh menjana penyata bank dan tidak mempunyai kemudahan perbankan atas talian.
2.	Penyata Kewangan perlu dipinda dan mendapat Sijil Berteguran.	i. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis ii. Majlis Perbandaran Kangar	Boleh menyebabkan: i. Polisi perakaunan tidak dipatuhi sepenuhnya.
3.	Laporan Tahunan lewat dikemukakan kepada Menteri Besar.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	Boleh menyebabkan: i. Pemantauan terhadap pematuhan kepada dasar dan aktiviti yang dijalankan sukar dilaksanakan dengan segera.
4.	Penyata Kewangan yang dipinda tidak dibentang kepada Ahli Majlis untuk kelulusan.	Majlis Perbandaran Kangar	Boleh menyebabkan: i. Ahli Majlis tidak maklum kedudukan kewangan semasa.

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri Perlis bagi tahun 2017 berada pada tahap Memuaskan berdasarkan kepada markah keseluruhan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa Jabatan/Agensi yang perlu meningkat dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti yang berikut:

2.6.1. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;

2.6.2. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;

2.6.3. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;

2.6.4. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan;

2.6.5. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi Kedua boleh dijadikan rujukan;

2.6.6. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut;

2.6.7. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius; dan

2.6.8. Pihak Audit ingin memaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan (AI) ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Jabatan/Agensi adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.

PENGAUDITAN MENGEJUT JABATAN/AGENSI NEGERI

3. PENGAUDITAN MENGEJUT

3.1. PENDAHULUAN

3.1.1. Pengauditan ini dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang menyatakan Ketua Audit Negara hendaklah mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun pegawai perakaunan Persekutuan dan Negeri, akaun mana-mana kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di sesuatu Negeri atau Wilayah Persekutuan.

3.1.2. Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 juga menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya.

3.1.3. Pengauditan Mengejut adalah satu pendekatan Audit yang meliputi pemeriksaan, penyiasatan dan pengauditan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan dan jangka masa pengauditan kepada pihak Auditi.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif Pengauditan Mengejut adalah untuk menentukan sama ada penerimaan, kutipan dan kawalan perbelanjaan yang berada di bawah jagaan/seliaan pegawai yang bertanggungjawab diakaunkan secara teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

3.3.1. Skop pengauditan mengejut meliputi kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan dan kawalan umum. Pengauditan mengejut dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari atau tempoh masa yang sesuai bagi kes-kes tertentu. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan terhadap penerimaan wang, wang panjar, borang hasil yang dikawal dan barang berharga bagi tahun 2017 di Jabatan/Unit seperti jadual berikut:

JADUAL 3.1
PENGAUDITAN MENGEJUT JABATAN/UNIT NEGERI PADA TAHUN 2017

BIL.	JABATAN/UNIT
1.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perlis
2.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis
3.	Unit Perumahan dan Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
4.	Unit Protokol Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
5.	Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Perlis

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.4. METODOLOGI

Metodologi pengauditan mengejut adalah melalui pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai dan harta awam. Semakan terhadap rekod-rekod kewangan, temu bual dengan pihak Auditi, pengamatan keadaan semasa pada tarikh pengauditan seperti kawalan keselamatan ke atas kaunter kutipan dan keadaan peti besi yang sentiasa berkunci. Lawatan dan tinjauan mengejut di lokasi operasi/penyimpanan juga dilakukan.

3.5. PENEMUAN AUDIT

3.5.1. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut Di Jabatan/Unit Yang Diaudit

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di Jabatan/Unit dinilai berdasarkan 38 kriteria melibatkan 15 kriteria di kawalan terimaan, 21 di kawalan perbelanjaan dan dua (2) kriteria di kawalan umum. Pihak Audit mendapati ketidakpatuhan seperti dalam jadual berikut:

JADUAL 3.2
BILANGAN KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT JABATAN/UNIT YANG DIAUDIT

BIL.	KAWALAN	JUMLAH KRITERIA	KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT JABATAN/UNIT
1.	Terimaan	15	6
2.	Perbelanjaan	21	11
3.	Umum	2	2
JUMLAH KESELURUHAN		38	19

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.5.2. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut Di Jabatan/Unit Yang Diaudit Mengikut Kawalan

3.5.2.1. Kawalan Terimaan

- a. Analisis Audit mendapati sebanyak tiga (3) Jabatan/Unit tidak mematuhi empat (4) kriteria dalam kawalan terimaan. Hasil analisis mendapati:
 - i. Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan terimaan di Unit Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berkenaan daftar borang hasil tidak diselenggarakan dan baki fizikal stok borang hasil tidak dapat disahkan dengan rekod;
 - ii. Daftar Mel tidak diselenggarakan bagi merekod terimaan melalui pos serta perakuan resit rasmi tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat melibatkan Jabatan Pengairan dan Saliran;
 - iii. Semakan tidak dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut melibatkan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa; dan
 - iv. Notis pemberitahuan orang awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di Jabatan Perancang Bandar dan Desa.
- b. Kawalan terimaan yang tidak mematuhi peraturan/pekeliling menunjukkan kawalan dalaman Jabatan/Unit yang lemah, proses kerja yang tidak difahami sepenuhnya dan penyalahgunaan kuasa/borang hasil. Kelemahan-kelemahan ini memberi implikasi kepada ketirisan hasil kerajaan dan menjejaskan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna.

3.5.2.2. Kawalan Perbelanjaan

- a. Analisis Audit mendapati sebanyak empat (4) Jabatan/Unit tidak mematuhi enam (6) kriteria dalam kawalan perbelanjaan. Hasil analisis mendapati:
 - i. Buku Tunai Panjar Wang Runcit Jabatan Perancangan Bandar dan Desa tidak diisi dengan lengkap dan kemas kini serta baucar bayaran Panjar Wang Runcit tidak diluluskan oleh Ketua Jabatan;
 - ii. Had kuasa berbelanja yang ditetapkan adalah tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar melibatkan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa;

- iii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap "TELAH BAYAR" melibatkan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri;
 - iv. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak semak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh Penyelia melibatkan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Pengairan dan Saliran serta Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri;
 - v. Bil yang diterima tidak dicap tarikh terima bagi tujuan pemantauan bayaran melibatkan Pejabat Perancangan Bandar dan Desa; dan
 - vi. Semua terima dan pengeluaran setem pos tidak direkodkan disebabkan Daftar Setem tidak diselenggarakan melibatkan Unit Protokol, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.
- b. Kelemahan-kelemahan yang ditemui semasa pengauditan mengejut di Jabatan/Unit menyebabkan rekod tidak tepat (lebih/kurang), tidak kemas kini yang meningkatkan risiko kehilangan wang awam.

3.5.2.3. Kawalan Umum

- a. Analisis Audit mendapati dua (2) daripada lima (5) Jabatan/Unit iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan Unit Protokol, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri tidak mematuhi dua (2) kriteria dalam kawalan umum. Hasil analisis mendapati:
 - i. Pemeriksaan Mengejut di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 309 tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan dalam tempoh enam (6) bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang berharga; dan
 - ii. Hasil Pemeriksaan Mengejut itu tidak direkodkan di dalam buku yang disimpan bagi maksud itu dalam tiap-tiap Jabatan.
- b. Penemuan Audit di Jabatan/Unit menunjukkan kelemahan di kawalan umum melibatkan keselamatan wang tunai/barang berharga serta ketidakpatuhan terhadap AP 309 memberi implikasi kehilangan wang awam/barang berharga. Selain itu, kelemahan ini juga berisiko terhadap penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai di Jabatan/Unit tersebut.

3.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di Jabatan/Unit yang diaudit adalah kurang memuaskan berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi tiga (3) kawalan yang diaudit. Ketua Jabatan/Unit yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuatkuasa dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkat dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di Jabatan/Unit agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan di masa akan datang. Sehubungan itu, semua Jabatan/Unit hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

3.6.1. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;

3.6.2. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;

3.6.3. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;

3.6.4. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan; dan

3.6.5. pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

12 Jun 2018



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2018
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62518 PUTRAJAYA

www.audit.gov.my